

**PELESTARIAN KAIN CINDAI:  
SATU KAJIAN KES DI GALERI TENUN JOHOR**

**NUR ATIQAH BINTI ZAINUREN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan,  
Bachok, Kelantan, Malaysia**

**Februari 2023**

**PELESTARIAN KAIN CINDAI:  
SATU KAJIAN KES DI GALERI TENUN JOHOR**

**NUR ATIQAH BINTI ZAINUREN**

UNIVERSITI

**Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan,  
Bachok, Kelantan, Malaysia**

**Februari 2023**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskahkeras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

atigah  
NUR ATIQA BINTI  
ZAINUREN

Tarikh: 20/02/2023

Tandatangan Penyelia

Dr. A. Wahida binti Radzuan  
DR. AINUL WAHIDA BINTI  
RADZUAN  
Senior Lecturer  
Department of Heritage Studies  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
16300, Kelantan, Malaysia

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipikan bersama suratdaripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, setinggi – tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapatlah projek penyelidikan ini dilaksanakan dengan jayanya.

Jutaan terima kasih pula diucapkan kepada Dr. Ainul Wahida binti Radzuan, selaku penyelia projek penyelidikan ini yang banyak memberikan bimbingan dan juga nasihat. Semoga Allah s.w.t. membalas jasa baik beliau dengan seribu satu kebaikan di dunia dan juga di akhirat.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Puan Hanizah binti Wahab, Encik Zainuren bin Md. Din, Nur Aina binti Zainuren, Muhamad Izani bin Azman dan Nurul Wahida binti Samsuddin yang banyak memberikan dorongan dan semangat dalam melaksanakan projek penyelidikan ini. Tanpa doa dan sokongan mereka, sudah pasti kejayaan ini tidak dapat dirasai.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada pihak Galeri Tenun Johor, Muzium Tekstil Negara dan Jabatan Muzium Malaysia yang turut banyak membantu dalam usaha melaksanakan projek penyelidikan ini. Bantuan yang diberikan benar – benar bermakna dan akan diingati hingga ke akhir hayat.

MALAYSIA

KELANTAN

# **PELESTARIAN KAIN CINDAI: SATU KAJIAN KES DI GALERI TENUN JOHOR**

## **ABSTRAK**

Kain cindai merupakan tekstil warisan bagi masyarakat Melayu. Kewujudan cindai ini semakin dilupakan disebabkan oleh penghasilan cindai melalui teknik ikat ganda yang menjadikannya sukar untuk dihasilkan. Akibatnya, kain cindai tidak lagi dihasilkan dan hanya dipaparkan dan dipamerkan di muzium dan galeri. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memahami proses pemuliharaan kain cindai dan mekanisme yang berkaitan dalam mengekalkan kain cindai untuk masa hadapan. Kajian ini merangkumi tiga objektif utama iaitu mengenal pasti persepsi penggunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat di Johor, mengkaji proses pemuliharaan kain cindai di Galeri Tenun Johor, dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan. Kaedah campuran digunakan untuk memperoleh data dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Temu bual mendalam, pemerhati sebagai peserta dan tinjauan digunakan untuk mengekstrak data dari kerja lapangan. Hasil kajian mewakili enam tema: profil demografi; pemahaman masyarakat tentang kain cindai; penggunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat; peranan kain cindai dalam komuniti; memulihara dan mengekalkan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan; dan proses pemuliharaan kain cindai di Galeri Tenun Johor. Kesimpulannya, kain cindai perlu dipulihara dan dikekalkan untuk generasi akan datang supaya tekstil warisan terus wujud dan kekal relevan untuk jangka masa panjang.

Kata kunci: Kain cindai, Teknik ikat ganda, Koleksi pameran, Proses pemuliharaan, Mengekalkan kain cindai, Pihak berkepentingan.

***SUSTAINING CINDAI CLOTH:  
A CASE STUDY AT GALERI TENUN JOHOR***

***ABSTRACT***

*Cindai is a heritage textile of the Malay community. This existence of cindai is increasingly being forgotten due to the production of cindai through the double tie technique that has made it challenging to produce. As a result, cindai cloth is no longer being produced and is only displayed and exhibited in the museum and galleries. Hence, this study was conducted to understand the conservation process of cindai cloth and relevant mechanisms in sustaining cindai cloth for the future. This study comprises three main objectives: to identify the perception of the Johorian community on the use of cindai cloth, to examine the conservation process of cindai cloth at the Galeri Tenun Johor, and to analyse the relevant mechanisms in sustaining the cindai cloth among stakeholders. A mixed method was used for data collection using a qualitative and quantitative approach. In-depth interviews, participant observations and the survey were used to extract the data from the fieldwork. The result of the study was represented in six themes: demographic profile; community understanding of cindai cloth; the use of cindai cloth among the community; the roles of cindai cloth within the community; conserving and sustaining cindai cloth amongst the stakeholders; and the conservation process of cindai cloth in Galeri Tenun Johor. In conclusion, cindai cloth needs to be conserved and sustained for the future generation so that the heritage textile continues to exist and remain relevant for a long time.*

*Keywords: Cindai cloth, Double tie technique, Exhibition collection, Conservation process, Sustaining cindai cloth, Stakeholders.*

## JADUAL KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	v-vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Penyataan Masalah	3-4
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.5.1 Individu	6
1.5.2 Masyarakat	7
1.5.3 Institusi Pendidikan	7
1.6 Struktur Projek Penyelidikan	7-8
<b>2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	9
2.1 Sejarah Perkembangan Tekstil	9-10
2.2 Jenis Tekstil	11-12
2.3 Sejarah Kain Cindai	12-14
2.4 Fungsi Kain Cindai	14-16
2.5 Kaedah Pemeliharaan dan Pemuliharaan	16-18
2.6 Pihak Berkepentingan	18-19
2.7 Aplikasi Teori: Teori Fungsionalisme	19-20
2.8 Kesimpulan	20
<b>3 METADOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	21
3.1 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran	21-22
3.1.1 Pendekatan Kuantitatif	22-23
3.1.2 Pendekatan Kualitatif	24
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	25
3.2.1 Data Primer	25
i) Pemerhatian	25-26
ii) Temu Bual	26-28
iii) Kaedah Tinjauan	29-30

3.2.2	Data Sekunder	30-31
	i) Kaedah Kepustakaan	31
	ii) Sumber Internet	31
3.3	Pensampelan dan Responden Kajian	31-32
3.3.1	Kaedah Pensampelan Bertujuan	32-33
3.4	Analisis Data	33
3.4.1	Analisis Deskriptif	34
3.4.2	Analisis Tematik	34-35
	i) Membiasakan diri dengan data	35-36
	ii) Pengekodan	37-38
	iii) Mencari Tema	38-39
	iv) Menyemak Potensi Tema	39
	v) Menentukan dan Menamakan Tema	40
	vi) Menghasilkan Laporan	40
3.5	Limitasi Kajian	40-41
3.6	Kesimpulan	41
<b>4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.0	Pengenalan	42-43
4.1	Demografi Responden	43
	a) Jantina Responden	43-44
	b) Umur Responden	44-45
	c) Taraf Pendidikan Responden	45-46
	d) Pekerjaan Responden	47
	e) Bangsa Responden	48
	f) Daerah Tempat Tinggal Responden	49-50
4.2	Pemahaman Responden mengenai Kain Cindai	50-52
4.3	Persepsi Penggunaan Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat	52
	i) Persepsi mengenai Pengguna Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat	52-53
	ii) Persepsi mengenai Kegunaan Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat	54-56
4.4	Peranan Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat	57-59
4.5	Mekanisme yang Relevan dalam Pemuliharaan dan Pelestarian Kain Cindai dalam Kalangan Pihak Berkepentingan	59
	i) Individu	59-61
	ii) Ibu Bapa	61-62
	iii) Institusi Pendidikan	63-64
	iv) Badan Kerajaan	64-65
	v) Badan Bukan Kerajaan	66-67
	vi) Muzium atau Galeri	68-69



4.6	Mekanisme yang Relevan dalam Melestarikan Kain Cindai dalam Kalangan Pihak Berkepentingan	69-72
4.7	Proses Pemuliharaan Kain Cindai di Galeri Tenun Johor	72-73
	a) Faktor Kerosakan Kain Cindai	74-75
	b) Langkah bagi Mengatasi Kerosakan Kain Cindai	76
	i) Proses Pemuliharaan Kain Cindai oleh Unit Konservasi	76-80
	ii) Teknik Penjagaan Kain Cindai di Pusat Penyimpanan	81-83
	iii) Teknik Penjagaan Kain Cindai di Pusat Pameran	83-87
4.8	Kesimpulan	88
<b>5</b>	<b>ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
5.0	Pengenalan	89
5.1	Rumusan Bab	89-91
5.2	Rumusan Dapatan Utama	91-92
5.3	Cadangan Kajian	92-93
<b>RUJUKAN</b>		94-99
<b>LAMPIRAN</b>		100

<b>SENARAI JADUAL</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Responden Temu bual	41
4.1	Jantina Responden	43
4.2	Umur Responden	44
4.3	Taraf Pendidikan Responden	45
4.4	Pekerjaan Responden	47
4.5	Bangsa Responden	48
4.6	Daerah Tempat Tinggal Responden	49
4.7	Pemahaman Responden mengenai Kain Cindai	51
4.8	Persepsi mengenai Pengguna Kain Cindai	52
4.9	Persepsi mengenai Kegunaan Kain Cindai	54
4.10	Peranan Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat	57
4.11	Peranan Individu dalam Melestarikan Kain Cindai	59
4.12	Peranan Ibu Bapa dalam Melestarikan Kain Cindai	61
4.13	Peranan Institusi Pendidikan dalam Melestarikan Kain Cindai	63
4.14	Peranan Badan Kerajaan dalam Melestarikan Kain Cindai	64
4.15	Peranan Badan Bukan Kerajaan dalam Melestarikan Kain Cindai	66
4.16	Peranan Muzium Atau Galeri dalam Melestarikan Kain Cindai	68

<b>SENARAI RAJAH</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Motif Gajah Sebagai Ragam Hias	14
3.1	Analisis Data Kuantitatif	34
3.2	Transkrip Kajian	36
3.3	Pengekodan Transkrip	38
3.4	Penetapan Tema Kajian	39
4.1	Koleksi Busana di Galeri Tenun Johor	70
4.2	Kesan Koyak pada Kain Cindai	73
4.3	Kain Cindai yang telah Dipulihkan	78
4.4	Teknik Jahitan <i>Back Stitch</i>	80
4.5	Kain Cindai di Ruang Pameran	85

# BAB SATU

## Pengenalan

### 1.0 Pengenalan

Tekstil di Malaysia merupakan antara produk kraf tangan yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan (Ismail, 2006). Berdasarkan sejarah pemakaian Melayu lama, tekstil telah dihasilkan oleh masyarakat tempatan dengan menggunakan kaedah tenunan bagi memenuhi keperluan asas manusia (*utilitarian function*) (Alias & Nawawi, 2003). Jenis tekstil dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti penggunaan warna, bahan dan juga teknik penghasilan. Bahan asas yang digunakan untuk menghasilkan tekstil ini diperolehi secara semula jadi seperti jalinan serat tumbuhan dan kulit binatang sehingga zaman munculnya benang, kapas dan sutera di Tanah Melayu (Ismail, 2006). Kesemua bahan ini kemudiannya diolah dengan menggunakan teknik tenunan.

Menurut Ismail (2006), tenun merupakan perbuatan menghasilkan kain dengan menggunakan bahan tertentu. Tenun juga merujuk kepada suatu proses persilangan antara benang pakan dan benang loseng bersama bahan-bahan lain dengan menggunakan beberapa alat seperti kek (*loom*) (Jabbar *et al*, 2016). Menurut Ismail (1997), teknik tenunan dipercayai berasal dari kerajaan Dongson di Kemboja. Teknik tenun ini kemudiannya telah mula berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu sekitar abad ke-16. Salah satu teknik tenunan adalah teknik ikat ganda.

Ikat ganda merupakan teknik mengikat benang pakan dan loseng. Teknik ini telah digunakan sejak era kebudayaan Dongson di wilayah Annam Utara, Vietnam. Ia kemudiannya telah diperkembangkan di alam Melayu sekitar tahun 500SM (Ismail, 1997). Teknik ikat ganda kemudiannya telah digunakan oleh masyarakat bagi menghasilkan ragam hias dan corak pada kain tenunan (Sadevi, 2020). Sebelum proses pencelupan warna dijalankan, benang loseng dan benang pakan akan diikat pada bahagian tertentu. Kaedah ini dilakukan bagi mengelakkan warna terkena pada bahagian yang diikat (Saputra, 2019). Ia akan menghasilkan reka corak apabila proses tenunan dijalankan. Corak yang terhasil perlu direka terlebih dahulu sebelum proses-proses tersebut dijalankan (Ismail, 1997).

Teknik ikat ganda telah digunakan oleh masyarakat pada masa dahulu untuk menghasilkan kain cindai. Kain cindai merupakan kain tekstil India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pedagang Eropah (Yunus, 2012). Tekstil ini telah digunakan secara meluas oleh golongan istana. Misalnya, kain cindai dijadikan sebagai bahan kelengkapan adat istiadat diraja (Ismail, 2006). Masyarakat telah menggunakan teknik ikat ganda untuk menghasilkan motif pada kain cindai tersebut. Motif yang digunakan pada kain cindai adalah berunsur organik dan geometri. Motif tersebut dihasilkan melalui jalinan benang pakan dan benang loseng yang telah diikat dan dicelup di dalam pewarna semula jadi sebelum ditenun (Ismail, 1997).

## 1.1 **Penyataan Masalah**

Tekstil merupakan salah satu bahan fleksibel dalam penghasilan pakaian Melayu lama. Perkembangan tekstil ini adalah seiring dengan perkembangan aktiviti perdagangan masyarakat terdahulu (Kasim, 2003). Hal ini membuktikan bahawa perkembangan tekstil mendorong pelbagai pihak untuk memperkenalkan tekstil ke negara- negara lain. Oleh itu, tekstil telah dibawa masuk oleh pedagang- pedagang dari India, China, Arab dan Eropah dalam meluaskan pasaran tekstil ini (Yunus, 2012). Justeru, kain cindai merupakan salah satu cabang dari tekstil. Oleh itu, Ismail (1997) menjelaskan bahawa kain cindai adalah barangan tekstil dari India yang dibawa masuk oleh pedagang Eropah ke alam Melayu. Lantaran itu, kemasukan kain cindai telah membawa kesan terhadap cara berpakaian masyarakat Melayu lama.

Masyarakat Melayu cenderung beradaptasi dalam perkembangan tekstil. Oleh itu, penggunaan kain cindai telah disesuaikan mengikut adat kebudayaan masyarakat tempatan (Samin, 2012). Kesesuaian mengikut adat dan kebudayaan telah mewujudkan jurang perbezaan antara penggunaan tekstil Melayu dan pengaruh luar. Oleh itu, Ismail (1997) menyatakan terdapat perbezaan dari segi kegunaan kain cindai di tempat asal dan di alam Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat di Gujerat (India) telah menggunakan kain cindai untuk menutupi mayat. Manakala masyarakat Melayu tidak menggunakan kain cindai untuk menutup mayat (Yusop, 2017). Oleh yang demikian, perkembangan tekstil pada zaman dahulu dapat dilihat melalui variasi kegunaannya dalam kehidupan seharian masyarakat.

Namun begitu, masyarakat kini tidak lagi tekun dalam meluaskan sektor tekstil ini. Menurut Nawawi (2015), kain tenunan klasik ini tidak lagi dihasilkan oleh masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, masa yang lama diperlukan dalam menghasilkan kain cindai yang berkualiti (Alias & Nawawi, 2003). Hal ini turut diakui dalam penulisan Aziz (2009) yang mengatakan bahawa proses penghasilan kain cindai adalah sukar untuk dilakukan. Ini adalah kerana, kain cindai dihasilkan dengan menggunakan teknik ikat ganda.

Teknik ikat ganda memerlukan penenun mengikat benang pakan dan benang loseng dengan tali kalis air sebelum kain ini dicelup ke dalam bahan pewarna. Setelah itu, kain akan ditenun bagi menghasilkan motif tertentu. Kesan daripada kesukaran ini telah menyebabkan kain cindai sukar didapati dalam pasaran pakaian Melayu kini. Rentetan itu, kain cindai kini hanya dijadikan sebagai koleksi di muzium atau koleksi perseorangan (Nawawi, 2015; Ismail, 1990). Contohnya, The Star (2018) melaporkan kain cindai yang dipamerkan di Galeri Tenun Johor merupakan kain cindai asli tertua di Malaysia. Ia dianggarkan telah berusia 100 tahun lamanya. Oleh itu, kain cindai perlulah dipulihara agar warisan tekstil dapat dikekalkan.

Selain itu, proses pemuliharaan kain cindai di Malaysia juga kurang dilaksanakan. Hal ini menyebabkan masyarakat kurang terdedah dengan proses pemuliharaan tersebut (Alias & Nawawi, 2003). Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti proses pemuliharaan kain cindai serta mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai.

## 1.2 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian bagi kajian ini iaitu:

- i. Apakah persepsi kegunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat di Johor?
- ii. Bagaimanakah proses pemuliharaan kain cindai di Galeri Tenun Johor?
- iii. Apakah mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan?

## 1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian bagi kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti persepsi penggunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat di Johor.
- ii. Mengkaji proses pemuliharaan kain cindai di Galeri Tenun Johor.
- iii. Menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan.

#### 1.4 Skop Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada kain cindai sebagai salah satu warisan tekstil di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga berfokuskan kepada proses pemuliharaan kain cindai di Galeri Tenun Johor. Lokasi kajian ini telah dipilih kerana Galeri Tenun Johor menyimpan dan mempamerkan kain cindai asli tertua di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran (*mixed method*) dalam memperolehi data kajian. Instrumen yang digunakan bagi pendekatan kuantitatif adalah borang soal selidik, manakala instrumen yang digunakan bagi pendekatan kualitatif adalah pemerhatian dan temu bual. Kajian ini juga menggunakan teori fungsionalisme dalam mengenal pasti hubungan antara masyarakat dengan kegunaan kain cindai secara terperinci.

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian pemeliharaan dan pemuliharaan kain cindai di Galeri Tenun Johor penting bagi beberapa pihak. Hal ini merangkumi individu, masyarakat dan institusi pendidikan.

##### i) Individu

Hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber pengetahuan yang berguna terhadap individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini memberi pendedahan berkenaan sejarah perkembangan kain cindai dan fungsinya. Selain itu, kajian ini turut dijadikan sebagai panduan bagi individu yang ingin menjalankan kajian berkenaan warisan tekstil. Hal ini disebabkan oleh, kajian ini mengandungi maklumat berkenaan tekstil secara terperinci.



**ii) Masyarakat**

Kajian ini turut dijalankan untuk memberi pendedahan berkenaan warisan tekstil terhadap masyarakat. Ini kerana, hasil kajian yang diperoleh dapat memberi maklumat yang berkaitan, khususnya berkenaan kain cindai. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan terutamanya dalam kalangan generasi muda. Malahan, ia turut memberi kesedaran untuk memelihara dan memulihara warisan tekstil ini.

**iii) Institusi Pendidikan**

Kajian ini turut dijalankan bagi menambahkan dokumentasi yang boleh digunakan oleh pihak institusi pendidikan. Ia boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar oleh tenaga pengajar di peringkat sekolah mahupun pusat pengajian tinggi. Hasil kajian ini juga dilihat dapat memanjangkan penjelasan tentang warisan tekstil agar warisan ini dapat difahami dan dikekalkan untuk generasi akan datang.

**1.6 Struktur Projek Penyelidikan**

Secara keseluruhannya, projek penyelidikan ini mengandungi lima bab. Bab Satu adalah mengenai pengenalan kajian. Bab Dua pula mengetengahkan sorotan kajian yang merangkumi sejarah perkembangan tekstil, jenis tekstil, sejarah kain cindai, kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan, pihak berkepentingan, aplikasi teori fungsionalisme dan kesimpulan. Seterusnya, Bab Tiga menjelaskan mengenai metodologi kajian yang merangkumi kaedah pendekatan campuran, kaedah

pengumpulan data primer dan sekunder, serta pensampelan dan responden kajian. Selain itu, Bab Tiga turut menjelaskan mengenai teknik analisis data iaitu teknik analisis deskriptif bagi data kuantitatif dan teknik analisis tematik bagi data kualitatif. Akhir sekali, Bab Tiga juga menjelaskan mengenai limitasi kajian dan kesimpulan.

Seterusnya, Bab Empat membincangkan mengenai hasil analisis kajian bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Hal ini merangkumi demografi responden, pemahaman responden mengenai kain cindai, persepsi penggunaan kain cindai dan peranan kain cindai dalam kalangan masyarakat. Selain itu, Bab Empat juga membincangkan mengenai mekanisme yang relevan dalam pemuliharaan dan pelestarian kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan serta proses pemuliharaan kain cindai di Galeri Tenun Johor. Manakala Bab Lima pula menjelaskan mengenai rumusan bab, rumusan dapatan utama dan cadangan kajian bagi pengkaji tekstil akan datang.

## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab dua menerangkan tentang sejarah perkembangan industri tekstil dan jenis-jenis tekstil seperti batik, kain tenunan dan sulam baldu. Selain itu, bab ini turut menjelaskan tentang sejarah kain cindai dan fungsinya dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, bab ini juga menerangkan tentang kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan tekstil serta teori fungsionalisme yang digunakan dalam kajian.

#### **2.1 Sejarah Perkembangan Tekstil**

Tekstil merupakan produk warisan yang telah dihasilkan oleh masyarakat tempatan secara turun-temurun (Samin, 2012). Kewujudan tekstil ini telah bermula sekitar abad ke-15 di beberapa buah negeri di Tanah Melayu (Yunus, 2012; Akhir & Ismail, 2015), khususnya di negeri Terengganu dan Kelantan (Kheng & Ngo, 2010). Namun begitu, perkembangan industri tekstil ini telah bermula sekitar abad ke-19 (Mohamad, 1996). Menurut Abd Wahab & Mohd (2013), perkembangan industri tekstil di Malaysia dipengaruhi oleh aktiviti perdagangan. Situasi ini berlaku disebabkan kedudukan geografi negara yang terletak di laluan perhubungan antara negara timur dan barat. Tambahan lagi, kedudukan Malaysia yang strategik dan terlindung dari tiupan angin monsun telah menggalakkan kedatangan pedagang dari pelbagai negara (Yunus, 2012).

Di samping itu, kekayaan hasil bumi seperti rempah ratus (Kheng & Ngo, 2010), emas, kayu cengal dan kayu gaharu turut menggalakkan kedatangan pedagang, khususnya dari negara China, India, Arab dan Eropah (Yunus, 2012). Bagi mendapatkan barangan tersebut, para pedagang membawa masuk beberapa barangan komoditi seperti tekstil India untuk dijadikan sebagai medium pertukaran (Hussin, 2006; Yunus, 2012). Pada waktu yang sama, kemasukan tenaga mahir dari negara-negara luar turut membantu dalam perkembangan tekstil. Menurut Mohd dan Abd Wahab (2019), kegiatan perdagangan yang semakin pesat di Terengganu telah menggalakkan migrasi penduduk yang terdiri daripada ahli berkemahiran dari Indonesia ke Tanah Melayu. Migrasi penduduk bukan hanya tertumpu di negeri Terengganu sahaja, malahan ia turut berlaku di negeri-negeri yang lain (Mohamad, 1996).

Selain itu, perkembangan industri tekstil turut berlaku disebabkan oleh kemasukan mesin tenun dari Eropah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemasukan alat tenun ke Tanah Melayu pada abad ke-19 telah mengubah teknik penghasilan tekstil secara tradisional (Hussin, 2003). Proses penghasilan tekstil secara tradisional kebiasaannya memerlukan masa yang agak lama. Menurut Mohan (2019), anggaran masa yang diambil untuk menghasilkan sesebuah tekstil adalah sekitar dua hingga tiga bulan. Ianya bergantung kepada motif dan warna yang digunakan. Oleh itu, kemasukan alat tenun dilihat dapat membantu menjimatkan masa penghasilan produk. Malahan, ia turut menggalakkan masyarakat untuk menceburi bidang ini (Mohan, 2019; Hussin, 2003).

## 2.2 Jenis Tekstil

Tekstil Melayu terdiri daripada beberapa kategori yang berbeza. Hal ini merangkumi kategori tenun, batik, kain cap (*stamp cloth*) dan juga sulam baldi. Perbezaan bagi setiap kategori tekstil ini dapat dilihat secara jelas melalui bahan dan teknik utama yang digunakan dalam proses pembuatannya (Ismail, 1997). Seterusnya, kain tenun merupakan tekstil Melayu yang dihasilkan dengan menggunakan bahan jenis kapas. Kain ini terdiri daripada beberapa jenis kain iaitu kain kosong, bercorak, pua kumbu, cindai atau limar dan songket.

Namun begitu, terdapat beberapa jenis kain tenun yang turut menggunakan bahan jenis sutera seperti kain tenun bercorak, cindai dan songket (Ismail, 1997). Selain itu, terdapat juga perbezaan teknik tenun yang digunakan dalam menghasilkan jenis-jenis kain ini. Misalnya, kain pua kumbu dihasilkan dengan menggunakan teknik ikat tunggal (*woven ikat*) (Hidayati, 2017). Manakala, kain cindai dihasilkan dengan menggunakan teknik tenun ikat ganda (*woven double ikat*) (Alias & Nawawi, 2003).

Selain itu, batik pula merupakan sejenis kain yang menggunakan kapas sebagai bahan utama. Namun begitu, penggunaan bahan berasaskan sutera turut digunakan untuk menghasilkan kain batik (Bakti & Hanafiah, 2021). Kain batik terdiri daripada beberapa jenis iaitu kain batik jawa, kain pelangi dan kain Kelantan (Ismail, 1997). Kesemua batik ini dihasilkan melalui teknik yang berbeza. Sebagai contoh, kain batik jawa dihasilkan melalui teknik lukis (*hand drawn*). Manakala batik pelangi dihasilkan dengan menggunakan teknik ikat celup (*tie-dye*) (Samin, 2012).

Selain itu, teknik cap turut digunakan oleh penenun bagi menghasilkan motif pada tekstil (Ismail & Hassan, 2012). Menurut Ismail (1997), proses mengecap kain tenunan dengan blok emas (*gold stamp*) dipanggil sebagai telepuk. Penggunaan blok emas adalah untuk menghasilkan motif yang sama pada kain tenunan. Motif yang dihasilkan adalah berunsurkan flora, fauna dan geometri (Mokhtar, 2018).

Kategori tekstil yang terakhir ialah sulam baldu (*embroidered velvet*) (Ismail, 1997). Sulaman merupakan suatu teknik yang digunakan oleh penenun bagi menghasilkan motif pada sesebuah tekstil. Sulam baldu dihasilkan dengan menggunakan benang emas atau benang logam (*metal thread*) yang ditekat pada permukaan kain baldu (Yusof & Mahamood, 2015). Kaedah penghasilan sulaman ini adalah berbeza mengikut jenis benang yang digunakan. Contohnya, kain suji dihasilkan dengan menggunakan benang emas dan teknik sulaman tebal (*thick embroidery*). Manakala, kain kelingkan dihasilkan dengan menggunakan benang logam dan teknik sulaman logam (*metal embroidery*) (Ismail, 1997).

### **2.3 Sejarah Kain Cindai**

Kain cindai merupakan antara tekstil warisan yang menjadi identiti bagi sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kain cindai merupakan antara barangan komoditi yang dibawa masuk oleh pedagang dari Eropah sekitar abad ke-15, sebagai pertukaran setelah memperolehi hasil bumi yang terdapat di Tanah Melayu pada ketika itu (Yunus, 2012). Manakala, menurut Ismail (1997), jenis tekstil ini juga telah dibawa masuk oleh pedagang dari India. Oleh itu, kain cindai mempunyai

pengaruh budaya masyarakat dari negara tersebut (Alias & Nawawi, 2003). Ini adalah kerana, kain cindai berasal dari Gujerat (Mohan, 2019; Samin, 2012; Alias & Nawawi, 2003) dan merupakan kain yang diadaptasi daripada kain patola (Mohan, 2019; Hussin, 2006). Justeru itu, proses penghasilan dan motif rekaan kain cindai adalah sama dengan kain tersebut. Namun begitu, rekaan kain cindai di Malaysia telah disesuaikan mengikut budaya tempatan (Samin, 2012).

Patola merupakan produk tenunan yang terkenal dengan keunikan motif hiasannya (Saiyed & Bhatia, 2016). Kain patola dihasilkan oleh masyarakat Salvi di India dengan menggunakan sutera. Berdasarkan sastera Gujerat, kain tenun telah wujud sekitar abad ke-12. Namun begitu, kain tenun tidak mempunyai rekod yang jelas mengenai asal-usulnya (An *et al.*, 2020). Kain cindai pula merupakan kain tenun yang dihasilkan oleh penenun tempatan yang dipengaruhi oleh kain patola (Samin, 2012). Menurut Shuaib dan Enoch (2014), pembentukan awal industri kraf di alam Melayu dipengaruhi oleh budaya Hindu. Oleh itu, kebanyakan produk tekstil yang dihasilkan mempunyai motif Hindu seperti padma (teratai) dan kala (sumber bunga yang diukir).

Namun begitu, penyebaran agama Islam pada akhir abad ke-12 telah mengubah motif yang digunakan pada produk tekstil (Bahauddin, 1999). Kain patola banyak menggabungkan elemen flora dan fauna untuk menghasilkan sesebuah hiasan (Paraswati, 2014). Misalnya, motif gajah yang digunakan sebagai ragam hias pada tekstil (rujuk Rajah 2.1). Manakala, kain cindai lebih banyak menggunakan elemen flora (An *et al.*, 2020) seperti motif bunga (Pul Bhat), daun (Pun Bhat) dan motif bunga

campaka yang sinonim dengan cita rasa masyarakat Melayu Indonesia (Alias & Nawawi, 2003).



Rajah 2.1: Motif gajah sebagai ragam hias.  
Sumber: Jabatan Muzium Malaysia.

Dari segi proses pembuatan, kedua-dua kain ini menggunakan kaedah yang sama iaitu ikat ganda (*double ikat*) (Alias & Nawawi, 2003; Yunus, 2012). Ikat merujuk kepada perbuatan menyimpul dan mengikat sesuatu. Dalam konteks ini, ikat merupakan perbuatan menyimpul dan mengikat benang semasa proses penghasilan tekstil dijalankan (Patel & Ganeshgudi, 2020). Jenis benang yang akan digunakan semasa proses ini ialah benang loseng (*warp yarn*) dan benang pakan (*weft yarn*). Kedua-dua jenis benang ini diikat bersama sebelum dicelup berulang-ulang kali di dalam bekas yang berisi pewarna kain. Corak yang dihasilkan adalah bergantung kepada fungsi, agama dan juga cita rasa penggunanya (An *et al.*, 2020).

#### 2.4 Fungsi Kain Cindai

Kain cindai merupakan hasil pengolahan penenun tempatan yang menjadikan kain patola dari India sebagai sumber inspirasi (Samin, 2012). Penggunaan kain cindai



didominasi oleh golongan diraja dan juga bangsawan (Ismail, 2006). Ini kerana, proses penghasilan kain adalah rumit dan mengambil masa yang lama (Alias & Nawawi, 2003). Oleh itu, kain cindai dijual dengan harga yang mahal dan hanya mampu dipakai oleh golongan atasan dan bangsawan sahaja (Ismail, 2006).

Selain itu, kain cindai turut dijadikan sebagai hadiah hantaran belanja dalam upacara meminang bagi golongan diraja. Menurut Ismail (2006), kain cindai dijadikan sebagai hantaran diraja kerana kain ini sukar untuk diperolehi dan perlu dibawa masuk dari India. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjadikan kain cindai sebagai lambang kemewahan bagi seseorang individu. Ia turut memberi makna simbolik kepada pemakai terutamanya apabila dipakai oleh golongan diraja dan bangsawan.

Di samping itu, kain cindai turut digunakan sebagai ikat pinggang atau bengkung (Ismail, 2006). Menurut Sajar *et al.* (2015), penggunaan kain cindai sebagai bengkung telah wujud sejak abad ke-15. Penggunaan bengkung ini adalah berbeza mengikut jantina dan cara pemakaiannya. Contohnya, golongan wanita menggunakan kain cindai sebagai bengkung setelah melahirkan anak (Sajar *et al.*, 2015). Manakala, golongan lelaki menggunakan kain cindai bagi memperkemaskan dan mengetatkan pakaian di bahagian pinggang (Ismail, 2006).

Selain itu, kain cindai juga digunakan sebagai pakaian. Menurut Alias & Nawawi (2003), kain cindai telah digunakan sebagai kain selendang dan kain sarung oleh golongan wanita. Manakala, golongan lelaki menggunakan kain cindai sebagai

seluar. Namun begitu, kain cindai bukanlah pakaian harian bagi rakyat biasa. Sebaliknya ia adalah pakaian rasmi kerajaan yang dipakai oleh raja semasa upacara penganugerahan (Ismail, 2006).

Akhir sekali, kain cindai turut digunakan sebagai alat pertempuran (Nawawi, 2016). Masyarakat dahulu juga percaya bahawa kain cindai mempunyai kesaktian yang mampu melindungi pemakainya (Alias & Nawawi, 2003). Ini kerana, ukuran kain cindai yang digunakan oleh golongan lelaki dianggarkan sepanjang tiga puluh hasta (Ismail, 2006). Kain cindai akan diikat di bahagian pinggang berkali-kali bagi menghasilkan struktur yang tebal dan mampu menampung tikaman keris. Oleh itu, kain cindai juga dianggap sebagai alat perlindungan semasa pertempuran (Alias & Nawawi, 2003).

## **2.5 Kaedah Pemeliharaan dan Pemuliharaan**

Proses pemeliharaan merupakan aktiviti penjagaan sesebuah artifak mengikut prosedur tertentu bagi mengelakkan berlakunya kerosakan selain memanjangkan jangka hayatnya. Manakala pemuliharaan merupakan aktiviti memulihara sesebuah artifak yang diancam kerosakan (Jabatan Muzium Malaysia, n.d). Kedua-dua kaedah ini adalah penting bagi memperlakukan kerosakan pada artifak terpilih (Glover, 1992). Selain itu, ia turut dijalankan bagi memanjangkan jangka hayat artifak tersebut (Abdel-Kareem, 2021). Kerosakan pada sesebuah tekstil berlaku disebabkan oleh beberapa faktor.

Antara faktor kerosakan tekstil adalah kotoran (*stain*) yang terdapat pada permukaan kain. Kotoran ini diperoleh melalui sentuhan secara langsung atau tumpahan makanan ke atas permukaan tekstil. Tempoh masa yang diambil bagi membersihkan kesan kotoran ini adalah bergantung kepada warna sesebuah fabrik. Hal ini kerana kesan kotoran pada fabrik berwarna adalah lebih sukar untuk dihilangkan (Musa *et al.*, 2021). Oleh itu, kerja-kerja pembersihan tekstil perlu dijalankan bagi menghilangkan kotoran tersebut. Penggunaan bahan kimia seperti asid oksalik (*oxalic acid*) dan hidrogen peroksida (*hydrogen peroxide*) sebagai bahan pencuci dapat menghilangkan kesan kotoran lama pada tekstil. Namun begitu, penggunaan bahan ini tidak digalakkan. Ini kerana penggunaan bahan kimia secara berlebihan akan melunturkan warna tekstil. Selain itu, ia turut menjadikan struktur tekstil menjadi rapuh (Lang, 1917).

Seterusnya, kerosakan tekstil turut berlaku disebabkan oleh faktor cahaya. Permukaan tekstil yang terdedah pada sumber cahaya (cahaya matahari atau cahaya *fluorescent*) untuk tempoh waktu yang lama akan mengalami perubahan warna. Oleh itu, penetapan cahaya yang bersesuaian perlu dilakukan bagi menjaga struktur tekstil tersebut. Tekstil yang dijadikan sebagai bahan pameran perlu diletakkan di kawasan yang strategik dan terlindung dari sumber cahaya yang berlebihan (Fynn & Dean, 1950).

Di samping itu, kerosakan pada tekstil juga berlaku disebabkan oleh kulat (*fungus*). Kelembapan udara akan menggalakkan pembiakan mikroorganisma tersebut pada tekstil terutamanya pembiakan kulat pada fabrik organik seperti kapas dan sutera.

Ia bukan sahaja menyebabkan perubahan warna tekstil tetapi menyebabkan struktur tekstil menjadi rapuh (*brittleness*). Oleh itu, tekstil perlu disimpan di kawasan yang kering dan tertutup bagi mengelakkan pembiakan kulat (Cybulska & Maik, 2007). Penetapan kelembapan relatif (*relative humidity*) antara 50 hingga 55 peratus dan penetapan suhu antara 65 hingga 70° *Fahrenheit* di muzium turut membantu dalam merencatkan pembiakan kulat (Koka, 2018).

Akhir sekali, serangan serangga perosak turut menyebabkan kerosakan pada tekstil. Situasi ini berlaku adalah disebabkan gentian tekstil adalah sumber makanan bagi serangga. Contohnya, kumbang permaidani (*carpet beetle*) menyerang tekstil jenis sutera kerana tekstil tersebut mengandungi sumber protein yang tinggi. Oleh itu, pemeriksaan tekstil dan kawasan persekitaran secara berkala perlu dilakukan bagi mengelakkan masalah ini daripada terus berlaku. Penggunaan racun serangga (*insecticide*) dan racun kulat (*fungicides*) juga boleh digunakan. Namun, ianya tidak digalakkan kerana penggunaan bahan kimia tersebut akan menyebabkan kerosakan pada tekstil jika tidak dilakukan dengan tepat (Koka, 2018).

## 2.6 Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan (*stakeholder*) merujuk kepada individu atau organisasi yang terlibat secara aktif dalam kerja-kerja pengurusan warisan (Khan, 2020). Ia juga merujuk kepada individu yang mempunyai hak dan kapasiti dalam proses tersebut (Aas *et al.*, 2005). Pihak berkepentingan yang terlibat dalam kajian ini adalah Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Tekstil Negara. Kedua-dua pihak berkepentingan ini

telah dipilih bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan pelestarian kain cindai. Hal ini kerana Jabatan Muzium Malaysia berperanan dalam memelihara dan memulihara warisan kebudayaan dan sejarah negara. Manakala muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia, khususnya Muzium Tekstil Negara pula berperanan dalam mendokumentasikan koleksi serta membantu dalam pengembangan ilmu pengetahuan kepada masyarakat melalui pameran, seminar, bengkel dan lain-lain program berkaitan. Hal ini bagi meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan khazanah warisan negara (Jabatan Muzium Malaysia, n.d.).

## **2.7 Aplikasi Teori: Teori Fungsionalisme**

Teori fungsionalisme merupakan suatu idea yang membangunkan sistem sosial masyarakat. Pendekatan teori fungsionalisme dilaksanakan melalui kajian terhadap pola interaksi antara individu dan kumpulan masyarakat. Teori ini telah dibentuk melalui gabungan antara pendekatan struktural oleh Radcliff-Brown dan pendekatan fungsional oleh Durkheim (Marzali, 2006). Dalam konteks ini, masyarakat merupakan suatu sistem sosial yang terdiri daripada beberapa pecahan atau subsistem yang mempunyai fungsi yang tersendiri. Setiap fungsi tersebut adalah saling berkaitan antara satu sama lain (Kirby, 2000). Bagi menjelaskan konsep sistem sosial masyarakat ini, para fungsionalis telah menggunakan organ tubuh manusia sebagai analogi (Marzali, 2006). Setiap organ di dalam tubuh manusia perlu menjalankan fungsinya bagi memastikan tubuh manusia berfungsi dan hidup. Begitu juga dengan masyarakat di mana setiap institusi di dalamnya perlu menjalankan fungsinya bagi menjamin keharmonian dan kestabilan masyarakat.

Selain itu, teori fungsionalisme juga adalah teori yang menganalisis masyarakat dan budaya. Teori ini dihasilkan setelah ahli fungsionalis menyadari bahawa perilaku seseorang dipengaruhi oleh pemikiran dan perilaku individu di sekitarnya. Setiap individu ini memberikan fungsi dan sumbangan tertentu terhadap organisasinya. Ia telah membentuk struktur organisasi masyarakat yang stabil dan seimbang secara keseluruhan untuk mencapai tujuan tertentu (Sriyana, 2020). Teori fungsionalisme oleh Bronislaw Malinowski pula menekankan sudut pandang dari aspek budaya. Teori fungsional kebudayaan ini digunakan untuk memahami latar, adat dan fungsi aspek yang diteliti dalam sistem sosial masyarakat. Dalam erti kata lain, teori fungsional menganalisis fungsi budaya bagi sesebuah masyarakat. Teori ini banyak digunakan oleh ahli antropologi sebagai landasan teori (Adha, 2022). Oleh itu, kajian ini menggunakan teori fungsionalisme sebagai teori kajian. Ini adalah kerana aspek kebudayaan dan masyarakat mempunyai perkaitan dengan kain cindai. Hal ini disebabkan oleh kain cindai adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat. Ia mempunyai nilai dan fungsi tertentu yang menyumbang kepada perkembangan sosial dan budaya masyarakat

## **2.8 Kesimpulan**

Konklusinya, bab dua menghuraikan tentang kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas. Kajian yang dipilih mempunyai perkaitan dengan tajuk pengkaji iaitu Pelestarian Kain Cindai: Satu Kajian Kes di Galeri Tenun Johor. Bab ini turut menerangkan tentang kain cindai dari aspek sejarah dan fungsinya. Kesemua maklumat ini membantu dalam menambahkan maklumat dan memperkukuhkan kajian pengkaji.

## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab tiga menjelaskan mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Hal ini merangkumi penjelasan tentang pendekatan kajian iaitu kaedah campuran (*mixed method*) secara terperinci. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpul maklumat berkaitan kajian yang dilaksanakan. Hal ini melibatkan dua jenis data iaitu data primer dan juga data sekunder. Data primer yang digunakan adalah seperti pemerhatian, temu bual dan tinjauan soal selidik sebagai data utama. Manakala data sekunder yang digunakan adalah seperti kaedah kepustakaan dan sumber internet sebagai data sokongan. Di samping itu, bab tiga turut menghuraikan mengenai kaedah penganalisan data iaitu menggunakan analisis deskriptif bagi data kuantitatif dan analisis tematik bagi data kualitatif. Hal ini merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk menganalisis setiap data yang diperoleh sepanjang kajian ini dijalankan.

#### 3.1 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran

Kaedah kajian merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan proses pengumpulan dan penganalisan data bagi sesebuah kajian (Leavy, 2014). Kaedah ini terbahagi kepada tiga reka bentuk iaitu reka bentuk kuantitatif, reka

bentuk kualitatif dan reka bentuk campuran (Creswell *et al.*, 2004). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk campuran bagi memperoleh data yang diperlukan dalam kajian.

Reka bentuk campuran (*mixed method*) adalah sebuah pendekatan kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif untuk memperolehi data. Reka bentuk digunakan untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam Bab Satu. Kaedah campuran membolehkan sesebuah data yang diperoleh dianalisis dengan lebih baik berbanding menggunakan salah satu kaedah sahaja (Creswell & Tashakkori, 2007). Tambahan lagi, reka bentuk campuran membolehkan data yang diperoleh dianalisis dari pelbagai perspektif (Terrell, 2012). Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menggunakan kaedah campuran bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian.

### **3.1.1 Pendekatan Kuantitatif**

Kaedah kajian kuantitatif merupakan sebuah pendekatan bersifat objektif dan berasaskan fakta. Menurut Saidi (2019), kaedah kuantitatif mempunyai perkaitan dengan angka atau numerikal. Oleh sebab itu, kaedah kuantitatif melibatkan data yang berbentuk saintifik (Wellington & Szczerbinski, 2007). Ini kerana, hasil data yang diperoleh melalui pendekatan kuantitatif boleh diukur dan dikira (Saidi, 2019). Oleh hal yang demikian, sumber pengumpulan data bagi kaedah kuantitatif dilakukan dalam bentuk



tinjauan atau survei, eksperimen atau soal selidik bagi memperoleh hasil data berbentuk angka atau statistik (Mukhid, 2021).

Kajian kuantitatif terbahagi kepada empat jenis iaitu kajian tinjauan (*survey research*), eksperimental, kolerasi dan penyelidikan kausal-perbandingan (*causal-comparative*) (Idris *et al.*, 2018). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif untuk mencapai objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti penggunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat di Johor. Ini kerana, kajian tinjauan deskriptif membantu pengkaji untuk membincangkan sesuatu fenomena atau persoalan secara sistematik (Isaac & Michael, 1981).

Selain itu, tinjauan deskriptif turut membantu pengkaji menganalisis data kuantitatif melalui pengiraan purata (*mean*) bagi skala likert. Manakala taburan soalan pula dianalisis berdasarkan sisihan piawai (*standard deviation*). Instrumen pemerolehan data yang telah digunakan oleh pengkaji adalah borang soal selidik. Data-data yang diperoleh telah dianalisis dan dijelaskan dalam bentuk numerikal dengan menggunakan skala likert lima mata, iaitu dengan skala sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana (*neutral*), setuju dan sangat setuju.

### 3.1.2 Pendekatan Kualitatif

Kaedah kualitatif pula merupakan sebuah pendekatan berbentuk deskriptif. Data yang diperoleh melalui pendekatan ini dijelaskan dalam bentuk perkataan, ayat, keterangan dan juga huraian (Merriam & Tisdell, 2015). Kaedah kajian kualitatif merangkumi beberapa jenis kajian. Misalnya, kajian etnografi dan juga kajian kes. Kajian etnografi melibatkan penyelidikan terhadap adat, budaya dan kepercayaan serta tingkah laku sesebuah masyarakat (Leavy, 2014).

Kajian kes pula merujuk kepada penyelidikan terhadap sesuatu perkara yang menjadi fenomena atau perkara yang luar biasa dalam sesebuah masyarakat (Yin, 2009). Keadaan tersebut tidak dapat diperolehi di kawasan lain atau berlaku kepada masyarakat lain. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah melaksanakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes kerana kajian ini hanya melibatkan kain cindai yang terdapat di Galeri Tenun Johor.

Di samping itu, kajian kes juga digunakan oleh seseorang pengkaji bagi memahami sesuatu peristiwa yang telah berlaku dengan lebih mendalam (Merriam & Tisdell, 2015). Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kajian kes untuk menganalisis data berkaitan proses pemuliharaan kain cindai yang dijalankan di Galeri Tenun Johor. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kajian kes untuk menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan. Teknik pemerolehan data yang digunakan oleh pengkaji pula adalah pemerhatian dan temu bual.

## 3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data terbahagi kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian.

### 3.2.1 Data Primer

Data primer merujuk kepada data utama yang diperoleh melalui hasil penyelidikan (Jasmi, 2012; Bailey, 2008). Hal ini melibatkan beberapa kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah soal selidik.

#### i) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang memerlukan seseorang pengkaji berada di kawasan kajian. Pengkaji perlu melihat sendiri perkara yang sedang dikaji dan kemudiannya mencatatkan data untuk dianalisis. Kaedah ini membantu pengkaji untuk benar-benar memahami situasi sebenar tentang perkara yang dikaji (Wahab & Ah, 2016). Menurut Kawulich (2012), kaedah pemerhatian terbahagi kepada empat jenis iaitu penyelidik sebagai peserta lengkap (*complete participant*), peserta sebagai pemerhati, pemerhati sebagai peserta dan penyelidik sebagai pemerhati lengkap (*complete observer*). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian jenis pemerhati sebagai peserta (*observer as participant*).

Pemerhati sebagai peserta merupakan jenis pemerhatian yang memerlukan pengkaji untuk mengambil bahagian dalam persekitaran sosial yang dikaji. Namun begitu, penyelidik tersebut bukan ahli dalam kumpulan kajian (Kawulich, 2012). Menurut Scott & Medaugh (2017), jenis pemerhatian ini membolehkan pengkaji berinteraksi dengan peserta kajian melalui kaedah temu bual. Ia dilaksanakan dalam sesebuah kajian adalah untuk memperoleh data berkaitan. Oleh itu, pengkaji telah mengunjungi Galeri Tenun yang terletak di negeri Johor, bagi membantu pengkaji memenuhi objektif kajian. Selain itu, pengkaji dapat memahami situasi sebenar dalam proses pemuliharaan kain cindai.

## ii) **Temu bual**

Kaedah temu bual adalah merujuk kepada kaedah pengumpulan data yang dilaksanakan oleh pengkaji dengan cara menemu bual individu sasaran. Hal ini sama ada dilakukan secara bersemuka atau melalui perbualan telefon (Jackle *et al.*, 2006). Menurut Jasmi (2012), kaedah temu bual kualitatif terbahagi kepada dua teknik iaitu teknik temu bual kumpulan berfokus (*focus group interview*) dan teknik temu bual mendalam.

Teknik temu bual kumpulan berfokus merujuk kepada sekumpulan individu yang dipilih berdasarkan topik atau isu kajian.

Teknik temu bual ini digunakan adalah untuk mengkaji tingkah laku, persepsi dan idea kumpulan berkenaan mengenai topik kajian. Manakala teknik temu bual mendalam merujuk kepada percakapan dua arah iaitu

antara pengkaji dan responden (Patton, 2014). Menurut Jasmi (2012), teknik temu bual mendalam dijalankan oleh pengkaji adalah untuk memahami pandangan responden mengenai topik atau isu kajian. Ia juga digunakan adalah untuk menganalisis pandangan responden mengenai sesuatu kejadian atau kegiatan yang tidak dapat diamati secara langsung oleh pengkaji. Sebagai contoh, proses dan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan kain cindai yang telah dilakukan oleh pihak Galeri Tenun Johor.

Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menggunakan teknik temu bual mendalam untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji telah menjalankan beberapa sesi temu bual bagi memperolehi maklumat berkaitan kajian. Bagi mengkaji proses pemeliharaan kain cindai, pengkaji telah menemu bual seorang responden yang merupakan wakil petugas di Galeri Tenun Johor secara langsung. Responden ini mengetahui serba sedikit mengenai latar belakang kain cindai yang dipamerkan di galeri tersebut. Selain itu, responden ini juga mengetahui proses pemeliharaan kain cindai yang telah dijalankan di galeri tersebut.

Seterusnya, pengkaji turut menemu bual seorang responden yang merupakan pegawai daripada Jabatan Muzium Malaysia bagi memperolehi maklumat mengenai mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan. Di samping itu, sesi temu bual ini turut dijalankan bagi memperolehi data tambahan berkaitan proses pemeliharaan tekstil warisan tersebut. Temu

bual bersama responden telah dijalankan secara atas talian (*online*) melalui aplikasi Google Meet.

Temu bual dijalankan bersama responden sehingga data yang diperolehi mencapai takat tepu (*saturation level*). Temu bual yang dijalankan di dalam kajian ini berbentuk separa berstruktur (*semi-structured*). Temu bual separa berstruktur merupakan kaedah temu bual yang dijalankan berdasarkan soalan yang telah disediakan oleh pengkaji. Namun begitu, responden diberikan kebebasan untuk menjawab persoalan tanpa mengikut turutan. Selain itu, temu bual separa berstruktur turut membolehkan pengkaji menyoal responden dengan lebih lanjut. Soalan tersebut adalah berdasarkan maklum balas responden (Longhurst, 2003).

Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teknik temu bual separa berstruktur bagi memperolehi maklumat kajian dengan lebih mendalam. Ia telah dilaksanakan secara informal dengan menggunakan soalan berbentuk terbuka (*open-ended*). Rakaman audio juga digunakan dalam setiap sesi temu bual tersebut. Hal ini bagi memudahkan pengkaji menyalin semula isi perbualan dengan kedua-dua responden. Pengkaji kemudiannya telah menganalisis keseluruhan isi perbualan tersebut dan membahagikannya mengikut tema kajian. Hal ini bagi memudahkan pengkaji menganalisis hasil dapatan untuk mencapai ketiga-tiga objektif kajian.

### iii) Kaedah Tinjauan

Kaedah tinjauan merupakan salah satu teknik pemerolehan data dalam kajian jenis kuantitatif. Data tersebut diperoleh melalui maklum balas individu sasaran atau sampel kajian berdasarkan soalan yang diberikan oleh pengkaji (Groves *et al.*, 2011; Roopa & Rani, 2012). Kaedah tinjauan digunakan dalam sesebuah kajian untuk menghuraikan dan meneroka (*explore*) tingkah laku masyarakat (Ponto, 2015). Selain itu, kaedah ini turut digunakan untuk memahami sesuatu isu atau fenomena sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat (Groves *et al.*, 2011). Bagi memperoleh data berkenaan, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian (Ponto, 2015).

Borang soal selidik merupakan sebuah set soalan yang dibentuk oleh pengkaji berdasarkan kesesuaian objektif kajian. Set soalan di dalam kajian borang soal selidik dibentuk untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan tepat dan tidak lari daripada tujuan asal (Fink, 1995). Menurut Reja *et al.* (2003), tujuan penggunaan borang soal selidik adalah untuk memperoleh data berkaitan sikap, kepercayaan atau pendapat individu mengenai sesebuah topik kajian. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik bagi memenuhi dua objektif kajian iaitu mengenal pasti penggunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat di Johor dan mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan.

Borang soal selidik di dalam kajian ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Borang ini telah diedarkan kepada 130 orang responden yang terdiri daripada masyarakat tempatan di negeri Johor. Bentuk borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk tertutup (*closed-ended*). Hal ini bagi memudahkan responden untuk menjawab set soalan yang diberikan oleh pengkaji. Soal selidik berbentuk tertutup merangkumi soalan berstruktur berserta pilihan jawapan yang tetap. Responden hanya perlu memilih jawapan yang telah disediakan sahaja (Roopa & Rani, 2012).

Selain itu, pengkaji juga menggunakan skala likert sebagai pilihan jawapan dalam borang soal selidik. Skala likert merupakan skala psikometrik yang digunakan dalam borang soal selidik tertutup. Tujuan skala ini digunakan adalah untuk mengukur tingkah laku sosial (*social attitudes*) dalam kalangan masyarakat (Roopa & Rani, 2012). Ia juga digunakan bagi membantu pengkaji dalam memahami pendapat atau persepsi responden berkaitan penyelidikan (Joshi *et al.*, 2015). Oleh itu, kajian ini menggunakan skala likert lima mata bagi memudahkan responden menjawab set soalan dalam borang tersebut.

### **3.2.2 Data Sekunder**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji turut mengumpulkan data sekunder. Data sekunder merujuk kepada data sedia ada yang telah dihasilkan oleh tokoh atau penulis terdahulu (Wahab & Ah, 2016). Data ini diperoleh melalui sumber buku, tesis, keratan akhbar dan jurnal. Contohnya, data



berkaitan sejarah kain cindai yang diperoleh melalui buku *Malay Woven Textiles: The Beauty of a Classic Art Form*, karya Siti Zainon Ismail. Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan dan sumber internet bagi memperoleh maklumat tambahan.

**i) Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan tertumpu kepada bahan bacaan dan rujukan seperti buku, akhbar dan jurnal yang berkaitan dengan kajian. Kaedah ini telah digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan maklumat berkaitan tekstil dan kain cindai. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah ini untuk mencari maklumat mengenai teori fungsionalisme serta lain-lain maklumat yang berkaitan dengan kajian.

**ii) Sumber Internet**

Pengkaji juga menggunakan sumber internet untuk mendapatkan lebih banyak maklumat. Bahan-bahan rujukan seperti tesis, artikel dan jurnal yang dijumpai secara atas talian telah digunakan sebagai maklumat tambahan bagi melengkapkan kajian.

### **3.3 Pensampelan dan Responden**

Pensampelan merupakan suatu proses pemilihan sampel yang dipilih daripada sebahagian populasi sasaran untuk dijadikan sebagai responden. Kaedah ini dijalankan dalam sesebuah kajian untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu perkara dengan

lebih terperinci (Rai & Thapa, 2015). Menurut Etikan *et al.* (2016), kaedah pensampelan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah pensampelan kebarangkalian dan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian.

Kaedah pensampelan kebarangkalian merupakan sebuah teknik yang digunakan untuk menjelaskan populasi secara menyeluruh. Kaedah ini terbahagi kepada empat jenis iaitu pensampelan rawak mudah, pensampelan berkelompok, pensampelan sistematik dan pensampelan berstrata (*stratified sampling*). Manakala kaedah pensampelan bukan kebarangkalian melibatkan proses pemilihan sampel berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kaedah ini merangkumi empat jenis pensampelan iaitu pensampelan kuota, pensampelan bola salji (*snowball*), pensampelan mudah dan pensampelan bertujuan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pensampelan bertujuan.

### **3.3.1 Kaedah Pensampelan Bertujuan**

Kaedah pensampelan bertujuan merupakan sebuah proses pemilihan sampel berdasarkan pengetahuan pengkaji dan tujuan penyelidikan. Pemilihan sampel ini juga adalah berdasarkan ciri- ciri tertentu yang bersesuaian dengan fokus kajian (Etikan *et al.*, 2016; Rai & Thapa, 2015). Menurut Etikan *et al.* (2016), ciri-ciri tersebut akan ditentukan sendiri oleh pengkaji. Ini kerana, kaedah pensampelan bertujuan akan digunakan oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat berkaitan kajian. Misalnya, sampel yang dipilih terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran berkenaan isu yang dikaji oleh pengkaji

(Rai & Thapa, 2015). Dalam kajian ini, sampel telah dipilih berdasarkan objektif kajian.

Pengkaji memfokuskan masyarakat di Johor untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Hal ini bagi mengenal pasti penggunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat tersebut. Seterusnya, pengkaji turut memfokuskan individu yang mempunyai pengetahuan mengenai kain cindai sebagai sampel kajian. Individu ini terdiri daripada pihak pengurusan Galeri Tenun Johor. Hal ini bagi membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkenaan proses pemuliharaan kain cindai di galeri tersebut. Selain itu, pengkaji juga memfokuskan individu yang merupakan wakil pihak berkepentingan. Hal ini bagi membantu pengkaji menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan.

### **3.4 Analisis Data**

Analisis data merupakan sebuah proses pengolahan dan penyusunan data yang diperoleh dari instrumen kajian. Teknik analisis ini mempengaruhi ketepatan hasil dapatan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Oleh itu, pemilihan teknik penganalisan data adalah penting dalam sesebuah penyelidikan agar hasil dapatan yang diperoleh memenuhi objektif kajian (Bakar, 2007). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua teknik iaitu analisis deskriptif bagi menganalisis data kuantitatif dan analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif.

### 3.4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif merupakan sebuah teknik penganalisan data yang digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Teknik ini digunakan oleh seseorang pengkaji untuk meringkaskan data yang diperoleh dalam bentuk teks menjadi angka atau grafik statistik (Manfaat, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif untuk membentuk purata (*mean*) dan kekerapan data. Analisis data ini telah dilakukan setelah pengkaji memperoleh data primer daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada 130 orang responden. Tahap analisis ini telah tercapai setelah data yang diperoleh dipastikan, disunting dan ditukarkan kepada angka. Data tersebut kemudiannya telah dipersembahkan dalam bentuk jadual (rujuk Rajah 3.1).

Siapakah yang menggunakan Kain Cindai?	Purata	Sisihan Piawai
Sultan/Raja/Yang Dipertua	3.87	0.98
Keluarga dan kerabat diraja	3.7	0.91
Bangsawan	3.55	0.94
Pedagang	3.52	1.12
Pembesar dan pentadbir	3.45	0.86
Rakyat Biasa	2.92	0.89

Apakah kegunaan Kain Cindai	Purata	Sisihan Piawai
Pakaian masyarakat Melayu terdahulu	4.05	0.92
Kain Cindai kini digunakan sebagai pamera	3.89	1.03
Ikat pinggang bagi golongan lelaki	3.75	0.96
Kain tutup kepala/selendang bagi golongan	3.57	0.94
Kain sarung bagi golongan wanita	3.48	0.86
Kain Cindai hanya digunakan oleh golongan	3.48	1.09
Pakaian raja semasa upacara penganugerah	3.42	0.81
Bengkung setelah melahirkan anak	3.33	0.94
Kain tutup mayat	2.99	1.08

Rajah 3.1: Analisis data kuantitatif.

### 3.4.2 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan teknik analisis data yang digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif. Teknik ini digunakan oleh pengkaji untuk

menganalisis tema dalam maklumat yang telah diperoleh (Braun & Clarke, 2006). Proses bagi memperoleh tema tersebut adalah melalui pembacaan data secara berulang-ulang. Hal ini bagi memastikan tema yang ditentukan oleh pengkaji adalah penting untuk menghuraikan sesuatu fenomena (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Ia juga bagi membolehkan pengkaji memahami makna yang terdapat dalam data tersebut (Braun & Clarke, 2006).

Selain itu, analisis tematik juga merupakan sebuah kaedah analisis data yang bersifat fleksibel. Ia tidak terikat dengan perspektif epistemologi atau teori tertentu (Maguire & Delahunt, 2017). Oleh itu, pengkaji telah menggunakan analisis tematik untuk menganalisis data yang diperoleh. Teknik analisis data ini melibatkan enam proses iaitu membiasakan diri dengan data, pengekodan, mencari tema, menyemak potensi tema, menentukan dan menamakan tema, serta menghasilkan laporan.

#### **i) Membiasakan diri dengan data**

Proses analisis tematik pertama adalah membiasakan diri dengan data (*familiarize with data*). Proses ini memerlukan pengkaji untuk membaca data yang diperoleh secara berulang-ulang. Hal ini bagi membolehkan pengkaji memahami dan menganalisis maklumat yang diperoleh (Braun & Clarke, 2006). Dalam proses ini, pengkaji telah menggunakan transkrip yang mengandungi data kajian (rujuk Rajah 3.2). Data tersebut diperoleh melalui kaedah temu bual. Tujuan transkrip

ini digunakan dalam kajian adalah untuk membantu pengkaji memahami makna dalam data tersebut (Braun & Clarke, 2006).

		berlubang, dia akan gunakan jarum atau guna mesin?
B	:	Ohh.. kita tak guna mesin kita guna jarum..kita guna jarum
A	:	Oh jahit tanganlah?
B	:	Kita akan ada jahit ahh jahit <u>ditempat</u> yang berlubang.. kalau kecil tu kita jahitlah tapi kalau seboleh-bolehnya <u>even</u> benang dia pun <u>ah</u> kena ikut ahh.. benang asal pada ahh.. bahan yang asallah. seperti yang macam dia  menggunakan <u>silk</u> kita kena cari <u>silk</u> lah
A	:	Ohh..
B	:	Ha.. kalau katakan dia punya... ben..kalau boleh seelok-eloknya ikut warna <u>pun</u> yang seakan-akan
A	:	Ohh warna yang seakan-akan
B	:	kalau lagi tepat lagi baguslah ah.. manakala kalau katalah dia ada berlubangkan ahh ni.. kita tampalan dia tu pun kita mesti gunakan ah kain

Rajah 3.2: Transkrip kajian.


Selain itu, transkrip turut membantu pengkaji menghuraikan data yang diperolehi dengan lebih mudah (Heriyanto, 2018). Oleh itu, pengkaji telah menghasilkan transkrip dengan cara menyalin semula isi perbualan sepanjang sesi temu bual dijalankan. Ia dilakukan oleh pengkaji supaya data tersebut dapat dibaca secara berulang-ulang. Hal ini bagi memudahkan pengkaji untuk memahami isi perbualan tersebut.

Selain itu, transkrip juga digunakan untuk membantu pengkaji menganalisis data yang diperlukan dalam kajian. Data yang diperolehi kemudiannya telah dilabel mengikut kategori tertentu.

## ii) Pengekodaan

Proses kedua dalam analisis tematik adalah pengekodan (*coding*). Kod merupakan label atau fitur yang diperoleh melalui data kajian (Heriyanto, 2018). Dalam konteks ini, kod digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti dan melabel data penting kepada bahagian-bahagian tertentu (Braun & Clarke, 2006). Bahagian tersebut adalah bergantung kepada cara pengkaji menyusun data bagi menghasilkan tema. Ini kerana, pengkaji akan menggunakan kod untuk menerangkan data yang diperoleh secara ringkas (Maguire & Delahunt, 2017).

Proses pengekodan boleh dilaksanakan secara manual atau melalui perisian komputer (rujuk Rajah 3.3). Proses secara manual memerlukan pengkaji untuk menulis nota pada bahagian tertentu dalam teks atau transkrip yang dianalisis (Braun & Clarke, 2006). Manakala proses melalui perisian komputer memerlukan pengkaji menggunakan aplikasi seperti Nvivo untuk mengenal pasti tema (Maguire & Delahunt, 2017).



Rajah 3.3: Pengekodan Transkrip.

### iii) Mencari Tema

Proses ketiga dalam analisis tematik adalah mencari tema (*theme*). Tema merujuk kepada sesuatu istilah yang digunakan untuk menghuraikan data kajian (Heriyanto, 2018). Pembinaan tema adalah bergantung kepada tujuan penyelidikan. Hal ini kerana tema akan digunakan oleh pengkaji untuk menjawab persoalan kajian (Braun & Clarke, 2006). Oleh hal yang demikian, tema yang dibina perlu berkait dengan isu yang dikaji oleh pengkaji (Heriyanto, 2018). Dalam proses ini, pengkaji telah menyemak semula data berkod yang telah dipilih. Hal ini bagi mengelakkan pertindihan data dan memastikan data tersebut bersesuaian dengan isu yang dikaji.

Selain itu, ia juga dapat membantu pengkaji mengenal pasti perkaitan antara tema yang dipilih dengan isu kajian (Braun & Clarke, 2006). Bagi memudahkan proses ini, pengkaji telah menyusun tema mengikut kategori tertentu. Hal ini bagi memastikan tema yang



dianalisis adalah berkaitan dengan objektif kajian. Tema tersebut kemudiannya telah dimasukkan ke dalam jadual (rujuk Rajah 3.4).

BIL.	KOD/TEMA	BUTIRAN
1.	Kain Cindai	<p>A) Motif</p> <p>i. Patola</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Motif lebih kepada India (sebab <u>patola</u> dihasilkan di India)</li> <li>- Gajah</li> <li>- Figura</li> </ul> <p>ii. Cindai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Motif kemelayuan/nusantara</li> <li>- Tampuk manggis</li> <li>- Tampuk kesemak</li> <li>- Fauna - rama-rama, burung</li> <li>- Flora - tampuk kesuma, tampuk manggis</li> <li>- Abstrak</li> <li>- Geometri</li> <li>- Tiada figura</li> </ul> <p>B) Bahan pembuatan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pewarna – <i>natural dyes</i></li> <li>2. Benang – sutera/kapas</li> <li>3. Kain – sutera/kapas</li> <li>- Kain Cindai diperbuat daripada bahan-bahan organik</li> </ol> <p>C) Fungsi Kain Cindai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bengkung</li> </ul> <p>D) Pemakai Kain Cindai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pahlawan Melayu</li> </ul> <p>E) Cara kemasukan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perdagangan</li> </ul> <p>F) Signifikansi/nilai Kain Cindai</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Unsur kesaktian – di tikam tidak lut</li> <li>2. Nilai sejarah – bukti kedatangan pedagang di Tanah Melayu</li> <li>3. Fungsi dalam kalangan masyarakat – barangan komoditi pedagang</li> </ol>

Rajah 3.4: Penetapan tema kajian.

#### iv) Menyemak Potensi Tema

Proses analisis tematik keempat adalah menyemak potensi tema (*reviewing potential themes*). Dalam proses ini, pengkaji perlu menyemak semula tema awal yang telah diperolehi. Hal ini bagi memastikan tema yang dihasilkan adalah relevan dan berkaitan dengan keseluruhan set data yang diperoleh (Braun & Clarke, 2006). Oleh itu, pengkaji telah menyemak semula tema yang dijadualkan. Jika tema tersebut tidak berkaitan, pengkaji telah menukarkan dan membaca semula tema-tema tersebut. Hal ini bagi memastikan tema terpilih adalah penting dan menjawab persoalan kajian (Braun & Clarke, 2006).

v) **Menentukan dan Menamakan Tema**

Proses kelima dalam analisis tematik adalah menentukan dan menamakan tema (*identifying and naming themes*). Dalam proses ini, pengkaji perlu menjelaskan data-data yang diperoleh secara terperinci. Selain itu, pengkaji juga perlu mengenal pasti aspek penting yang terdapat dalam data. Hal ini bagi membantu pengkaji mentakrifkan tema dan menjelaskannya secara terperinci (Braun & Clarke, 2006).

vi) **Menghasilkan Laporan**

Proses terakhir dalam analisis tematik adalah menghasilkan laporan. Dalam proses ini, pengkaji perlu memilih tema yang boleh menjawab persoalan kajian. Tema tersebut kemudiannya akan dihuraikan secara terperinci. Hal ini kerana, tujuan laporan ini dihasilkan adalah untuk mengumpulkan (*compile*) data yang telah disusun dan dianalisis. Oleh itu, laporan yang dihasilkan perlu mengandungi data yang berkaitan secara menyeluruh (Braun & Clarke, 2006).

### 3.5 Limitasi Kajian

Pensampelan kajian bagi kaedah kuantitatif dipilih berdasarkan populasi masyarakat yang tinggal di Johor iaitu seramai 4.0 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Setelah menggunakan *sampling calculator*, sampel bagi kajian ini adalah seramai 385 orang. Namun begitu, hanya 130 orang responden yang memberikan maklum balas di dalam kajian ini. Ini kerana masyarakat tidak tahu atau kurang tahu mengenai kain cindai menyebabkan masyarakat enggan memberikan

maklum balas. Oleh itu, hanya segelintir masyarakat yang memberikan kerjasama dalam tinjauan soal selidik. Profil demografi bagi data kuantitatif akan diterangkan di dalam bab 4 iaitu Dapatan dan Perbincangan kajian.

Selain itu, pensampelan kajian bagi kaedah kualitatif pula melibatkan seorang pegawai dari Galeri Tenun Johor dan seorang pegawai dari Jabatan Muzium Malaysia sebagai responden (rujuk Jadual 3.1). Kedua-dua pegawai tersebut telah dipilih kerana mereka mempunyai maklumat yang diperlukan dalam kajian, khususnya mengenai proses pemuliharaan kain cindai. Kesemua maklumat bagi data kualitatif juga akan dibincangkan di dalam Bab 4.

Jadual 3.1: Responden temu bual.

<b>Responden</b>	<b>Umur</b>	<b>Jawatan</b>
Responden 1	55 tahun	Pembantu Tadbir Galeri Tenun Johor
Responden 2	54 tahun	Penolong Kurator Kanan Bahagian Pengurusan Koleksi

### 3.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan instrumen yang digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian. Segala maklumat yang diperoleh telah digunakan bagi memenuhi objektif dan persoalan kajian. Oleh itu, penggunaan metodologi kajian yang tepat amat dititikberatkan oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan metodologi yang tepat membantu pengkaji untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan kain cindai.

## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab empat membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang dianalisis secara terperinci. Data tersebut telah diperolehi melalui kaedah temu bual dan pemerhatian di lapangan bagi mencapai objektif kajian. Selain itu, kaedah soal selidik turut digunakan bagi memperolehi maklumat mengenai penggunaan dan pelestarian kain Cindai. Borang soal selidik bagi data kuantitatif dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian A,B,C,D, dan E. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan demografi responden seperti umur dan taraf pendidikan. Bahagian B pula merangkumi soalan mengenai pemahaman responden terhadap kain Cindai. Seterusnya, bahagian C merangkumi soalan mengenai pengguna dan kegunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat di Johor. Bahagian D merangkumi soalan mengenai peranan kain Cindai dalam kalangan masyarakat. Manakala bahagian E adalah mengenai peranan individu, ibu bapa, institusi pendidikan, badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO), serta peranan pihak muzium atau galeri terhadap pelestarian kain cindai.

Di samping itu, dua orang responden telah ditemu bual bagi memperoleh data tambahan. Hal ini bagi memperkukuhkan hasil dapatan yang telah diperolehi melalui tinjauan soal selidik. Oleh itu, terdapat empat tema telah dikenal pasti berdasarkan hasil analisis temu bual tersebut. Tema yang pertama adalah kain cindai di Galeri Tenun Johor. Tema seterusnya adalah faktor kerosakan kain cindai. Tema ketiga pula adalah

langkah bagi mengatasi kerosakan kain cindai. Manakala tema yang terakhir adalah pelestarian kain cindai.

#### 4.1 Demografi Responden

Bahagian A menghuraikan mengenai latar belakang responden. Hal ini merangkumi jantina, umur, taraf pendidikan, pekerjaan, bangsa dan daerah tempat tinggal responden. Hasil yang diperolehi di bahagian ini dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Data tersebut kemudiannya disampaikan dalam bentuk jadual.

##### a) Jantina Responden

Jadual 4.1: Jantina responden.

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	60	46.2
	Perempuan	70	53.8
Jumlah Keseluruhan		130	100

Jadual 4.1 menunjukkan 130 orang responden telah menyertai tinjauan soal selidik ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 60 orang responden (46.2%) adalah terdiri daripada responden lelaki. Manakala seramai 70 orang responden (53.8%) adalah terdiri daripada responden perempuan. Hasil analisis kuantitatif mendapati bahawa jumlah penyertaan daripada responden perempuan adalah lebih ramai

berbanding responden lelaki. Hal ini kerana responden perempuan lebih selesa untuk berinteraksi dan memberikan kerjasama dengan sesama jantina.

**b) Umur Responden**

Jadual 4.2: Umur responden.

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Umur	Bawah 18 tahun	20	15.4
	19 hingga 29 tahun	65	50
	30 hingga 39 tahun	21	16.2
	40 hingga 49 tahun	12	9.2
	50 hingga 59 tahun	12	9.2
	60 tahun dan ke atas	0	0
	Jumlah keseluruhan	130	100

Jadual 4.2 pula menunjukkan jumlah responden di dalam kajian ini. Kategori umur bawah 18 tahun yang menyertai tinjauan ini adalah seramai 20 orang (15.4%). Manakala jumlah responden yang berumur 19 hingga 29 tahun adalah seramai 65 orang (50%). Seterusnya, jumlah responden berumur di antara 30 hingga 39 tahun adalah seramai 21 orang (16.2%). Seterusnya, jumlah responden berumur di antara 40

hingga 49 tahun dan responden berumur 50 hingga 59 tahun adalah sama, iaitu seramai 12 orang (9.2%) bagi kedua-duanya.

Hasil analisis mendapati bahawa tiada penyertaan daripada responden yang berumur 60 tahun dan ke atas. Hal ini kerana mereka tidak mahir untuk mengisi borang soal selidik secara atas talian. Sebaliknya, responden-responden dalam lingkungan bawah 18 tahun hingga 59 tahun adalah lebih mahir dan juga aktif dalam menggunakan laman media sosial.

### c) **Taraf Pendidikan Responden**

Jadual 4.3: Taraf pendidikan responden.

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Taraf Pendidikan	PT3	8	6.2
	SPM	27	20.8
	STPM/Diploma	40	30.8
	Ijazah/Sarjana/PhD	48	36.9
	Tiada Pendidikan	1	0.8
	Lain-lain	6	4.6
Jumlah Keseluruhan		130	100

Seterusnya, Jadual 4.3 menunjukkan hasil analisis taraf pendidikan responden yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Berdasarkan jumlah keseluruhan responden, seramai 8 orang responden (6.2%) adalah berkelulusan Penilaian Tingkatan Tiga (PT3). Seterusnya, jumlah responden yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula adalah seramai 27 orang (20.8%). Manakala jumlah akhir responden yang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau diploma pula adalah seramai 40 orang (30.8%) dan diikuti dengan responden berkelulusan ijazah, sarjana atau doktor falsafah (PhD) seramai 48 orang responden (36.9%).

Jumlah responden yang tidak memiliki kelulusan pula adalah satu orang responden (0.8%) sahaja dan diikuti dengan jumlah responden yang mempunyai lain-lain taraf pendidikan adalah seramai 6 orang responden (4.6%). Hasil analisis akhir mendapati bahawa jumlah kekerapan dan peratusan tertinggi adalah kelulusan ijazah, sarjana atau doktor falsafah (PhD). Hal ini kerana mereka lebih terbuka untuk memberikan pandangan dan pendapat mengenai kain cindai berbanding responden-responden lain.



**d) Pekerjaan Responden**

Jadual 4.4: Pekerjaan responden.

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Pekerjaan	Kerajaan	24	18.5
	Swasta	49	37.7
	Sendiri	11	8.5
	Pelajar	42	32.3
	Tidak bekerja	4	3.1
	Jumlah keseluruhan		130

Jadual 4.4 pula menunjukkan lima kategori pekerjaan yang telah diperolehi melalui data responden. Hasil penilaian akhir mendapati bahawa seramai 24 orang responden (18.5%) adalah pekerja sektor kerajaan dan diikuti dengan 49 orang responden (37.7%) sebahagian pekerja sektor swasta. Seterusnya, jumlah responden yang bekerja sendiri pula adalah seramai 11 orang responden (8.5%) dan diikuti dengan jumlah responden yang masih belajar adalah seramai 42 orang responden (32.3%). Jumlah responden yang tidak bekerja adalah seramai empat orang (3.1%) sahaja. Dalam hal ini, jumlah kekerapan dan peratusan pekerja sektor swasta adalah lebih tinggi berbanding sektor-sektor lain.

e) **Bangsa Responden**

Jadual 4.5: Bangsa responden.

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Bangsa	Melayu	120	92.3
	India	6	4.6
	Cina	3	2.3
	Lain-lain	1	0.8
Jumlah kekerapan		130	100

Jadual 4.5 menunjukkan empat kategori bangsa yang telah dianalisis dalam kajian ini. Berdasarkan keseluruhan jumlah responden, majoriti responden yang menyertai tinjauan soal selidik ini adalah berbangsa Melayu (92.3%). Hal ini kerana responden berbangsa Melayu adalah kumpulan sasaran bagi memperoleh data yang berkaitan dengan kain cindai. Tambahan lagi, kain cindai adalah tekstil warisan Melayu. Manakala jumlah selebihnya adalah terdiri daripada enam orang responden berbangsa India (4.6%), tiga orang responden berbangsa Cina (2.3%) dan lain-lain bangsa iaitu satu orang responden (0.8%).

f) **Daerah Tempat Tinggal Responden**

Jadual 4.6: Daerah tempat tinggal responden.

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Daerah tempat tinggal	Batu Pahat	2	1.5
	Johor Bahru	40	30.8
	Kulai	18	13.8
	Kluang	5	3.8
	Kota Tinggi	34	26.2
	Mersing	3	2.3
	Muar	2	1.5
	Pontian	0	0
	Tangkak	2	1.5
	Segamat	2	1.5
	Lain-lain	22	16.9
	Jumlah keseluruhan		130

Jadual 4.6 menunjukkan jumlah responden berdasarkan daerah tempat tinggal dan bermastautin di negeri Johor. Daerah Johor Bahru mencatatkan jumlah kekerapan dan peratusan tertinggi bagi responden yang menyertai tinjauan ini, iaitu seramai 40 orang (30.8%). Hal ini berlaku disebabkan oleh Galeri Tenun Johor terletak di daerah berkenaan.

Selain itu, jumlah responden dari daerah Kulai pula adalah seramai 18 orang (13.8%) dan diikuti dengan lain-lain daerah tempat tinggal iaitu seramai 22 orang responden (16.9%). Seterusnya, jumlah responden dari daerah Kota Tinggi adalah seramai 34 orang (26.2%) dan diikuti dengan responden dari daerah Mersing adalah seramai tiga orang responden (2.3%). Bagi daerah Pontian pula, tiada responden yang menyertai tinjauan ini. Manakala jumlah responden dari daerah Batu Pahat, daerah Muar, daerah Tangkak dan juga daerah Segamat mempunyai kekerapan yang sama, iaitu seramai dua orang responden (1.5%) setiap satu.

#### **4.2 Pemahaman Responden mengenai Kain Cindai**

Kajian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skala berikut: sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), sederhana (neutral) (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Analisis dan interpretasi data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (mean) 1.00 - 1.80 (Sangat tidak Setuju), 1.90 - 2.60 (Tidak Setuju), 2.70 - 3.4 (Sederhana/neutral), 3.5 - 4.2 (Setuju), 4.3 - 5.00 (Sangat Setuju).

Jadual 4.7: Pemahaman responden mengenai kain cindai.

Bil.	Pemahaman responden mengenai kain cindai	Mean	SD
1.	Kain cindai merupakan warisan tekstil Melayu	4.12	0.91
2.	Reka bentuk kain cindai pada masa kini disesuaikan dengan rekaan tempatan	3.81	0.92
3.	Kain cindai dihasilkan melalui teknik ikat ganda	3.74	1
4.	Kain cindai dihasilkan oleh masyarakat Melayu	3.72	0.93
5.	Kain cindai berasal dari Gujerat, India	3.66	1.12
6.	Kain cindai dipengaruhi oleh budaya masyarakat India	3.56	0.93
7.	Kain cindai dibawa masuk oleh pedagang Eropah	3.38	1.06
8.	Kain cindai dibawa masuk sekitar abad ke-15	3.34	0.71

Jadual 4.7 menunjukkan analisis pemahaman responden mengenai kain cindai yang terdapat di Galeri Tenun Johor. Hasil analisis tersebut mendapati bahawa responden bersetuju bahawa kain cindai adalah tekstil warisan bagi masyarakat Melayu ( $M=4.12, SD=0.91$ ), reka bentuk kain cindai pada masa kini telah disesuaikan dengan rekaan tempatan ( $M=3.81, SD=0.92$ ) dan kain cindai telah dihasilkan melalui teknik ikat ganda ( $M=3.74, SD=1$ ) dan kain cindai dihasilkan oleh masyarakat Melayu ( $M=3.72, SD=0.93$ ).

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa kain cindai berasal dari Gujerat, India ( $M=3.66, SD=1.12$ ) dan kain cindai masih dipengaruhi oleh budaya masyarakat di negara tersebut ( $M=3.56, SD=0.93$ ). Hal ini kerana, kain cindai adalah kain patola

yang dihasilkan oleh kaum lelaki di India (Cohen & Patel, 2015). Seterusnya, responden memilih sederhana (neutral dalam pernyataan kain cindai dibawa masuk oleh pedagang Eropah ( $M=3.38$ ,  $SD=1.06$ ), dan kain cindai telah dibawa masuk sekitar abad ke-15 ( $M=3.34$ ,  $SD=0.71$ ). Hal ini adalah kerana kain cindai sememangnya adalah kain patola dari India (Nawawi, 2016).

#### 4.3 Persepsi Penggunaan Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu pengguna kain cindai dan kegunaan kain tersebut dalam kalangan masyarakat.

##### i) Persepsi mengenai Pengguna Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat

Jadual 4.8: Persepsi mengenai pengguna kain cindai.

Bil.	Pengguna kain cindai	Mean	SD
1.	Sultan/Raja/Yang Dipertua	3.87	0.98
2.	Keluarga dan kerabat diraja	3.7	0.91
3.	Bangsawan	3.55	0.94
4.	Pedagang	3.52	1.12
5.	Pembesar dan pentadbir	3.45	0.86
6.	Rakyat biasa	2.92	0.89

Jadual 4.8 pula menunjukkan purata maklum balas responden mengenai pengguna kain cindai di dalam kalangan masyarakat. Responden bersetuju bahawa kain cindai telah digunakan oleh sultan, raja atau Yang Dipertua ( $M=3.87$ ,  $SD=0.98$ ) diikuti dengan keluarga dan kerabat diraja ( $M=3.7$ ,  $SD=0.91$ ), golongan bangsawan ( $M=3.55$ ,  $SD=0.94$ ) dan pedagang ( $M=3.52$ ,  $SD=1.12$ ). Seterusnya, responden memilih sederhana (neutral) di atas pernyataan penggunaan kain cindai adalah golongan pembesar dan pentadbir ( $M=3.45$ ,  $SD=0.86$ ), dan pengguna kain cindai di dalam kalangan rakyat biasa mempunyai skor purata sebanyak 2.92 dan sisihan piawai sebanyak 0.89. Hal ini kerana proses penghasilan kain cindai adalah rumit dan memerlukan ketelitian penenun. Oleh itu, harga pasaran kain cindai adalah lebih mahal berbanding kain warisan yang lain menyebabkan kain cindai tidak digunakan dalam kalangan rakyat biasa. Sebaliknya, kain cindai hanya digunakan dan dimiliki oleh golongan atasan sahaja (Alias & Nawawi, 2003).

ii) **Persepsi mengenai Kegunaan Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat**

Jadual 4.9: Persepsi mengenai Kegunaan Kain Cindai.

Bil.	Kegunaan kain cindai	Mean	SD
1.	Pakaian masyarakat Melayu terdahulu	4.05	0.92
2.	Kain Cindai kini digunakan sebagai pameran di galeri/muzium	3.89	1.03
3.	Ikat pinggang bagi golongan lelaki	3.75	0.96
4.	Kain tutup kepala/selendang bagi golongan wanita	3.57	0.94
5.	Kain cindai hanya digunakan oleh golongan diraja	3.48	1.09
6.	Kain sarung bagi golongan wanita	3.48	0.86
7.	Pakaian raja semasa upacara penganugerahan	3.42	0.81
8.	Bengkung setelah melahirkan anak	3.33	0.94
9.	Kain tutup mayat	2.99	1.08

Berdasarkan Jadual 4.9, terdapat beberapa kegunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat berdasarkan pernyataan-pernyataan yang dinyatakan di dalam borang kajian soal selidik. Hasil daripada maklum balas survei ini, responden bersetuju bahawa kain cindai digunakan sebagai pakaian oleh masyarakat Melayu terdahulu ( $M=4.05$ ,  $SD=0.92$ )



dan kain cindai kini telah digunakan sebagai koleksi pameran di galeri atau muzium ( $M=3.89$ ,  $SD=1.03$ ). Hal ini bertepatan dengan pernyataan dari hasil temu bual bersama Responden 2, iaitu:

*Cindai yang kita ada tu pun memang fragile.. dia kita anggap rare collection bagi.. muzium lah kan. Jadi.. ahh... kita... boleh... ahhh... pameran dia tiga bulan enam bulan mungkin dua belas bulan (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaslah bahawa kain cindai kini dijadikan sebagai koleksi pameran di muzium atau galeri. Sungguhpun begitu, fungsi asal bagi kain cindai ini masih menjadi perdebatan antara para pengkaji tekstil warisan. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan sumber yang sah untuk dijadikan sebagai rujukan (Ismail, 1997). Selain itu, responden juga bersetuju bahawa kain cindai digunakan sebagai ikat pinggang oleh golongan lelaki ( $M=3.75$ ,  $SD=0.96$ ) dan bagi golongan wanita, kain cindai digunakan sebagai kain tutup kepala atau selendang ( $M=3.57$ ,  $SD=0.94$ ). Hal ini disokong oleh pernyataan dari Responden 2, iaitu:

*Zaman dulu... ahh kain cindai ni sebab dia punya bukaan dia besar... lebar... jadi ahh.. kalau ahh.. pahlawanlah eh kalau seandainya tu... dia boleh menganggap ahhh dia boleh bila*

*berlawan tu... dibuat seolah-olah kain itu sebagai ahh...  
bengkung (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Seterusnya, responden memilih sederhana (neutral) dengan pernyataan kain cindai digunakan sebagai kain sarung wanita (M=3.48, SD=0.86), kain cindai hanya digunakan oleh golongan diraja (M=3.48, SD=1.09), kain cindai hanya digunakan oleh golongan diraja terutamanya semasa upacara penganugerahan (M=3.42, SD=0.81), kain cindai juga digunakan sebagai bengkung setelah melahirkan anak (M=3.33, SD=0.94) dan kain cindai digunakan sebagai kain penutup mayat (M=2.99, SD=1.08).

Namun begitu, penggunaan kain cindai sebagai kain penutup mayat adalah mengelirukan. Ini kerana, fungsi kain cindai di alam Melayu adalah berbeza dengan negara asalnya. Sebagai contoh, kain cindai digunakan sebagai pakaian penari dan hiasan di dalam istana di Jawa. Ia juga digunakan sebagai hiasan gantung semasa upacara perkahwinan dan pengebumian di Sulawesi. Selain itu, kain cindai digunakan secara meluas sebagai kain sari di India (Singh *et al*, 2005). Kain cindai atau patola juga digunakan semasa upacara adat perkahwinan dan keagamaan di negara tersebut (Sathe, & Bhatia, 2015). Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan kain cindai adalah bergantung kepada masyarakat dan lokasinya.

#### 4.4 Peranan Kain Cindai dalam Kalangan Masyarakat

Jadual 4.10: Peranan kain cindai dalam kalangan masyarakat.

Bil	Peranan kain cindai dalam kalangan masyarakat	Mean	SD
1.	Barang dagangan	3.89	1.04
2.	Lambang kekayaan individu	3.89	0.93
3.	Lambang kebesaran golongan diraja	3.71	0.89
4.	Alat istiadat diraja	3.54	0.94

Berdasarkan Jadual 4.10, kain cindai mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam masyarakat. Responden bersetuju bahawa peranan utama kain cindai dalam kalangan masyarakat juga adalah seperti barang dagangan ( $M=3.89$ ,  $SD=1.04$ ), lambang kekayaan individu ( $M=3.89$ ,  $SD=0.93$ ), kain cindai sebagai lambang kebesaran golongan diraja ( $M=3.71$ ,  $SD=0.89$ ) dan diikuti dengan kain cindai sebagai alat istiadat diraja ( $M=3.54$ ,  $SD=0.94$ ).

Berdasarkan teori fungsionalisme yang menekankan sudut pandang dari aspek budaya (Adha, 2022), kain cindai dilihat berperanan sebagai barang dagangan bagi masyarakat terdahulu. Menurut Yunus (2012), pedagang dari Eropah telah menjadikan kain cindai sebagai barang dagangan bagi memperolehi hasil bumi yang terdapat di Tanah Melayu. Contohnya, kayu cengal dan kayu gaharu. Tambahan lagi, kedudukan Tanah Melayu yang strategik di laluan penghubungan antara negara barat dan timur

menggalakkan lagi perkembangan aktiviti perdagangan pada ketika itu. Oleh itu, kain cindai adalah bukti perkembangan ekonomi bagi masyarakat terdahulu.

Selain itu, kain cindai juga berperanan sebagai lambang kekayaan bagi individu. Menurut Ismail (2006), bahan utama seperti sutera bagi menghasilkan kain cindai perlu dibawa masuk dari India. Oleh itu, harga pasaran bagi kain cindai adalah lebih mahal berbanding kain batik dan lain-lain kain warisan. Justeru, kain cindai hanya dimiliki oleh golongan diraja dan bangsawan sahaja. Hal ini secara tidak langsung telah menjadikan kain cindai sebagai lambang kekayaan bagi pemiliknya.

Di samping itu, kain cindai turut menjadi lambang kebesaran bagi golongan diraja. Menurut Nik Ibrahim (1987), kain cindai telah digunakan secara meluas dalam kalangan istana seperti raja dan golongan bangsawan. Oleh itu, kain cindai mempunyai perkaitan dengan kebesaran dan kekuasaan golongan tersebut. Tambahan lagi, kain cindai juga berkait rapat dengan asal usul dan sejarah kesultanan Melayu seperti yang diceritakan dalam penulisan sastera Melayu lama. Contohnya, Sastera Johor-Riau oleh Abdul Ahmad Samad yang menjelaskan kain cindai telah digunakan sebagai mas kahwin diraja. Selain itu, ia turut digunakan semasa majlis pertunangan, kelahiran dan kematian (Ismail, 1997).

Akhir sekali, teori fungsionalisme memperlihatkan kain cindai sebagai alat istiadat diraja. Hal ini kerana kain cindai telah digunakan oleh raja sebagai pakaian rasmi kerajaan semasa upacara penganugerahan. Selain itu, kain cindai juga telah

digunakan sebagai hadiah hantaran dalam upacara meminang bagi golongan diraja (Ismail, 2006). Oleh itu, jelaslah bahawa kain cindai juga berfungsi sebagai alat istiadat yang penting bagi golongan diraja.

#### 4.5 Mekanisme yang Relevan dalam Pemuliharaan dan Pelestarian Kain Cindai dalam Kalangan Pihak Berkepentingan

Terdapat enam kategori peranan pihak berkepentingan dalam pelestarian kain cindai, iaitu individu, ibu bapa, institusi pendidikan, badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan juga muzium atau galeri.

##### i) Individu

Jadual 4.11: Peranan individu dalam melestarikan kain cindai.

Bil.	Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pelestarian Kain Cindai: Individu	Mean	SD
1.	Mempelajari tekstil warisan dengan lebih mendalam bagi memupuk minat individu	4.55	0.74
2.	Melibatkan diri dalam program yang diadakan oleh pihak kerajaan dan muzium	4.53	0.73
3.	Mempromosikan tekstil warisan di media sosial seperti Tiktok	4.51	0.77
4.	Menjadikan kain cindai sebagai topik penyelidikan	4.49	0.78
5.	Mengolah kegunaan kain cindai tanpa mengubah keasliannya	4.34	0.81

Jadual 4.11 menunjukkan peranan individu dalam melestarikan penggunaan kain cindai. Terdapat lima pernyataan yang dinyatakan di dalam jadual di atas. Daripada pernyataan di atas responden sangat bersetuju sekiranya setiap individu dapat mempelajari tekstil warisan dengan lebih mendalam ( $M=4.55$ ,  $SD=0.74$ ) bagi memupuk minat individu terhadap tekstil warisan, melibatkan diri dalam program yang diadakan oleh pihak kerajaan dan muzium juga adalah langkah dalam melestarikan tekstil tersebut ( $M=4.53$ ,  $SD=0.73$ ) bertepatan dengan usaha yang dijalankan oleh pihak muzium. Responden 2 turut menyatakan bahawa,

*Kalau di muzium kalau kita cara nak melestarikannya kita akan selalu adakan seminar, bengkel ataupun pameranlah (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Seterusnya responden sangat bersetuju bahawa individu perlu mempromosikan tekstil warisan di media sosial seperti Tik Tok ( $M=4.51$ ,  $SD=0.77$ ) kerana penggunaan aplikasi media sosial mengalami peningkatan yang ketara selepas pandemik COVID-19 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Responden juga sangat bersetuju menjadikan kain cindai sebagai topik penyelidikan bagi membantu dalam pelestarian kain cindai ( $M=4.49$ ,  $SD=0.78$ ) dan mengolah kegunaan kain cindai tanpa mengubah keasliannya juga relevan dalam melestarikan tekstil ini ( $M=4.34$ ,  $SD=0.81$ ). Namun begitu, langkah

akhir ini adalah sukar untuk dijalankan kerana kain cindai tidak lagi dihasilkan di Malaysia. Hal ini disokong dengan pernyataan dari Responden 2, iaitu:

*Mungkin di India masih buat lagi... mungkin di India tapi di Malaysia ni saya tak nampak ahhh... sebarang ahhh... pengusahalah yang buat kain ahh cindai ni... (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

**ii) Ibu bapa**

Jadual 4.12: Peranan ibu bapa dalam melestarikan kain cindai.

Bil.	Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pelestarian Kain Cindai: Ibu bapa	Mean	SD
1.	Mendedahkan anak-anak dengan tekstil warisan melalui bahan bacaan, dokumentari dan lain-lain	4.52	0.75
2.	Membawa anak-anak menyertai program tekstil	4.52	0.65
3.	Membawa anak-anak ke pameran tekstil	4.51	0.7
4.	Menyediakan keperluan dari segi kewangan untuk anak-anak menyertai program berkaitan	4.48	0.74
5.	Memberi galakkan kepada anak-anak untuk mempelajari tekstil warisan	4.47	0.62

Jadual 4.12 menunjukkan skor purata bagi peranan ibu bapa dalam melestarikan kain cindai. Responden sangat setuju bahawa ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak dengan tekstil warisan ini melalui bahan bacaan, dokumentari dan lain-lain ( $M=4.52$ ,  $SD=0.75$ ), ibu bapa perlu membantu dalam melestarikan kain cindai dengan membawa anak-anak menyertai program tekstil ( $M=4.52$ ,  $SD=0.65$ ), ibu bapa juga digalakkan membawa anak-anak ke pameran tekstil ( $M=4.51$ ,  $SD=0.7$ ) dan menyediakan keperluan dari segi kewangan untuk anak-anak menyertai program berkaitan ( $M=4.48$ ,  $SD=0.74$ ). Akhir sekali, responden sangat bersetuju bahawa pelestarian kain cindai turut dapat dilaksanakan dengan cara ibu bapa memberi galakan kepada anak-anak untuk mempelajari tekstil warisan ( $M=4.47$ ,  $SD=0.62$ ).



### iii) Institusi Pendidikan

Jadual 4.13: Peranan institusi pendidikan dalam melestarikan kain cindai.

Bil.	Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pelestarian Kain Cindai: Institusi Pendidikan	Mean	SD
1.	Mengadakan lawatan ke muzium/galeri	4.49	0.66
2.	Menyediakan sudut informatif untuk memaparkan maklumat berkaitan	4.46	0.79
3.	Mengadakan kempen kesedaran di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi	4.46	0.72
4.	Menjadikan tekstil warisan sebagai mata pelajaran wajib	4.38	0.84
5.	Menjadikan tekstil warisan sebagai aktiviti kokurikulum	4.38	0.8

Jadual 4.13 menunjukkan peranan institusi pendidikan dalam melestarikan kain cindai. Daripada jadual di atas, responden sangat bersetuju bahawa institusi pendidikan digalakkan untuk mengadakan lawatan ke muzium atau galeri ( $M=4.49$ ,  $SD=0.66$ ), menyediakan sudut informatif dalam memaparkan maklumat berkaitan ( $M=4.46$ ,  $SD=0.79$ ), pelestarian kain cindai turut dilaksanakan dengan cara mengadakan kempen kesedaran di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi ( $M=4.46$ ,  $SD=0.72$ ), pihak institusi pendidikan juga boleh menjadikan

tekstil warisan sebagai mata pelajaran wajib ( $M=4.38$ ,  $SD=0.84$ ) dan sebagai aktiviti kokurikulum ( $M=4.38$ ,  $SD=0.8$ ).

**iv) Badan Kerajaan**

Jadual 4.14: Peranan badan kerajaan dalam melestarikan kain cindai.

Bil.	Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pelestarian Kain Cindai: Badan Kerajaan	Mean	SD
1.	Menubuhkan institusi latihan dalam pembuatan tekstil	4.55	0.72
2.	Menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan tekstil warisan	4.53	0.62
3.	Menyediakan kemudahan infrastruktur seperti peralatan tenunan	4.51	0.7
4.	Memberi insentif seperti pinjaman kepada pengusaha tekstil warisan	4.49	0.79
5.	Membantu pihak muzium/galeri dari segi dana bagi menampung kos pemeliharaan dan pemuliharaan	4.49	0.76
6.	Menggalakkan pengusaha tekstil warisan memasarkan perniagaan melalui atas talian	4.42	0.67

Jadual 4.14 menunjukkan skor purata bagi peranan badan kerajaan dalam usaha melestarikan kain cindai. Responden sangat bersetuju bahawa badan kerajaan berperanan dalam menubuhkan sebuah institusi yang memberikan latihan dalam pembuatan tekstil ( $M=4.55$ ,  $SD=0.72$ ), menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor

pembuatan tekstil warisan ( $M=4.53$ ,  $SD=0.62$ ) dan menyediakan kemudahan infrastruktur seperti peralatan tenunan ( $M=4.51$ ,  $SD=0.7$ ).

Selain itu, responden juga sangat bersetuju bahawa pihak kerajaan juga perlu memberi insentif seperti pinjaman kepada pengusaha tekstil warisan ( $M=4.49$ ,  $SD=0.79$ ) bagi memperkukuhkan usaha ini, diikuti dengan bantuan pihak kerajaan dalam membantu pihak muzium atau galeri untuk melestarikan kain cindai melalui bantuan dana dan menampung segala kos pemeliharaan dan pemuliharaan ( $M=4.49$ ,  $SD=0.76$ ) serta menggalakkan pengusaha tekstil warisan memasarkan perniagaan mereka ( $M=4.42$ ,  $SD=0.67$ ) melalui atas talian.

v) **Badan Bukan Kerajaan**

Jadual 4.15: Peranan badan bukan kerajaan dalam melestarikan kain cindai.

Bil.	Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pelestarian Kain Cindai: Badan Bukan Kerajaan	Mean	SD
1.	Melaksanakan kempen kesedaran melalui media digital	4.53	0.75
2.	Menarik pelabur luar bagi memperkenalkan kain cindai	4.52	0.81
3.	Menyiarkan rancangan khusus seperti filem, dokumentari dan drama yang berkaitan dengan kain cindai	4.51	0.74
4.	Mengadakan program seperti Minggu Tekstil Warisan yang melibatkan semua lapisan masyarakat	4.45	0.79
5.	Memperbanyakkan liputan berkaitan tekstil warisan	4.38	0.79

Jadual 4.15 menunjukkan pernyataan mengenai peranan badan bukan kerajaan dalam melestarikan kain cindai. Daripada jadual ini, responden sangat bersetuju bahawa langkah utama dalam melestarikan kain cindai adalah dengan melaksanakan kempen kesedaran melalui media digital ( $M=4.53$ ,  $SD=0.75$ ), menarik pelabur luar bagi memperkenalkan kain cindai ( $M=4.52$ ,  $SD=0.81$ ), menyiarkan rancangan khusus tekstil seperti filem, dokumentari dan drama ( $M=4.51$ ,  $SD=0.74$ ) yang berkaitan dengan kain cindai.

Akhir sekali, responden sangat bersetuju bahawa badan bukan kerajaan juga boleh mengadakan program seperti Minggu Tekstil Warisan yang melibatkan semua lapisan masyarakat ( $M=4.45$ ,  $SD=0.79$ ) dan diikuti dengan cara memperbanyakkan liputan berkaitan tekstil warisan ( $M=4.38$ ,  $SD=0.79$ ). Contohnya, pihak Buletin TV3 telah menyiarkan liputan mengenai program anjuran Yayasan Tenun Pahang Diraja, iaitu Simposium Tekstil Tradisional ASEAN ke-8 pada 2 September 2022. Simposium tersebut dijalankan untuk membincangkan hal-hal berkaitan isu pemeliharaan dan pelestarian tekstil tenunan. Oleh hal yang demikian, pihak Buletin TV3 telah menyiarkan simposium tersebut untuk menggalakkan penglibatan masyarakat (Buletin TV3, 2022).

vi) **Muzium atau galeri**

Jadual 4.16: Peranan muzium atau galeri dalam melestarikan kain cindai.

Bil.	Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pelestarian Kain Cindai: Muzium atau Galeri	Mean	SD
1.	Mengadakan bengkel tekstil warisan khususnya kain cindai	4.58	0.68
2.	Melaksanakan aktiviti promosi di media cetak seperti akhbar dan risalah	4.56	0.68
3.	Menjalankan kerjasama dengan badan bukan kerajaan bagi mempromosikan kain cindai di pasaran tempatan	4.56	0.67
4.	Menggiatkan aktiviti promosi di media elektronik seperti iklan televisyen dan radio	4.47	0.75
5.	Mewujudkan laman sesawang tekstil warisan bagi memudahkan masyarakat memperoleh maklumat	4.53	0.73

Jadual 4.16 menunjukkan skor purata bagi meneliti peranan muzium atau galeri terhadap pelestarian kain cindai. Kebanyakan responden sangat bersetuju bahawa muzium dan galeri perlu mengadakan bengkel tekstil warisan khususnya kain cindai (M=4.58, SD=0.68), melaksanakan aktiviti promosi di media cetak seperti akhbar dan risalah (M=4.56, SD=0.68), menjalankan kerjasama dengan badan bukan kerajaan dalam mempromosikan kain cindai di pasaran tempatan (M=4.56, SD=0.67), menggiatkan aktiviti promosi di media elektronik seperti iklan di televisyen dan radio (M=4.47, SD=0.75) dan

mewujudkan laman sesawang tekstil warisan bagi memudahkan masyarakat memperoleh maklumat (M=4.53, SD=0.73).

#### **4.6 Mekanisme yang Relevan dalam Melestarikan Kain Cindai dalam Kalangan Pihak Berkepentingan**

Pelestarian merujuk kepada perihal memelihara sesuatu bagi melindunginya daripada kemusnahan (Kamus Dewan Edisi Keempat, n.d.). Manakala menurut Wahid (2008), konsep pelestarian ini adalah merujuk kepada usaha bagi melindungi warisan sesebuah negara. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan dalam usaha melestarikan kain cindai. Berdasarkan maklum balas responden, pihak berkepentingan yang terlibat adalah pihak kerajaan, penggiat tekstil, para pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS). Pelbagai program tekstil telah dianjurkan bagi memperkenalkan semula tekstil warisan Melayu ini.

Antaranya ialah bengkel dan seminar yang dianjurkan secara dalam talian dan fizikal seperti Seminar Bicara Kurator 2021 anjuran Jabatan Muzium Malaysia bersama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Seminar tersebut telah disiarkan secara dalam talian secara langsung melalui aplikasi Zoom. Seminar ini telah membincangkan mengenai isu dan hasil penyelidikan pihak muzium berkaitan sejarah dan warisan negara (Jabatan Muzium Malaysia, n.d.). Selain itu, pihak galeri atau muzium turut menganjurkan pameran tekstil secara fizikal. Contohnya, pameran koleksi tenun dan songket warisan Johor di Galeri Tenun Johor seperti yang dipaparkan dalam gambar Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Koleksi Busana di Galeri Tenun Johor.  
Sumber: Pemerhatian di lapangan.

Penggunaan teknologi dilihat memberi dampak positif terhadap muzium dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, penularan wabak Covid-19 pada telah menghadkan pergerakan masyarakat. Pelbagai sektor ekonomi negara, khususnya institusi permuziuman telah terkesan dengan wabak ini. Ini kerana jumlah kedatangan pengunjung semasa pandemik telah mengalami penurunan yang drastik (Alpian, 2022). Oleh hal yang demikian, muzium telah menggunakan platform digital sebagai inisiatif untuk mengkomersialkan semula koleksi mereka. Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran perlu dihadapi bagi merealisasikan usaha tersebut.

Cabaran utama dalam melestarikan kain cindai adalah kos pemeliharaan dan pemuliharaan. Menurut Responden 1, harga kain sutera pada masa kini adalah lebih mahal berbanding jenis kain yang lain. Oleh itu, Responden 1 berpendapat bahawa penggunaan jenis kain tersebut sebagai kain pelapik cindai adalah tidak relevan. Selain



itu, pihak galeri turut mengalami kekurangan tenaga mahir untuk mengendalikan proses pemuliharaan tersebut. Justeru itu, tempoh bagi menyelesaikan proses konservasi adalah di antara enam hingga dua belas bulan. Pernyataan ini disokong oleh Responden 2, iaitu:

*Kain ni tekstil ni dia... subjektif dari segi tempoh dia eh... dia boleh makan masa cepat... dia boleh makan masa lambat kalau patches dia satu mungkin cepatlah mungkin kalau ahhh... hampir keseluruhan ahhh kain tu ada yang rosak dia boleh memakan masa tiga bulan enam bulan even setahun (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Di samping itu juga, kain cindai tidak lagi dihasilkan di Malaysia. Kebanyakan kain cindai yang sedia ada telah usang disebabkan oleh faktor usia. Koleksi kain cindai di sesebuah muzium juga adalah terhad. Tambahan lagi, pihak muzium masih menjalankan usaha menjejaki pemilik persendirian kain cindai. Oleh hal yang demikian, adalah tidak relevan untuk mengadakan pameran khusus untuk tekstil tersebut. Hal ini bertepatan dengan pernyataan daripada Responden 2, iaitu: *“Untuk buat masa ni... cindai kita takde koleksi yang banyak untuk dipamerkan haa... dan lagi satu... ahhh... koleksi tu fragile...”* (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).

Responden 2 juga turut menambah seperti,

*Untuk mencari koleksi tu... ahhh.. pertama negeri-negeri pun... koleksi dia... pun tak banyak... dan kita nak cari orang persendirian pun yang mempunyai... ahh koleksi cindai yang kita nak pinjam pun ahhh... saya rasa pun sukar juga nak cari... ahh... jadi kalau seandainya kita ada dalam.. kurang pada sepuluh ahh kain cindai untuk dipamerkan... nampak macam... ahhh... takde impact lah ahh... kan... (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Kesimpulannya, kain cindai kini hanya dijadikan sebagai salah satu koleksi yang dipamerkan di galeri sahaja. Selain itu, tekstil tersebut turut dijadikan sebagai bahan kajian dan juga rujukan bagi individu yang mengkaji tekstil warisan.

#### **4.7 Proses Pemuliharaan Kain Cindai di Galeri Tenun Johor**

Pemuliharaan merujuk kepada perihal (proses, aktiviti atau perbuatan) yang dilakukan oleh seseorang individu atau kumpulan. Hal ini dilakukan untuk mengekalkan nilai estetika dan budaya serta memanjangkan jangka hayat artifak. Di samping itu juga, proses pemuliharaan dijalankan untuk membaik pulih tekstil yang telah rosak tanpa mengubah keasliannya (Abdel-Kareem, 2021). Oleh hal yang demikian, proses pemuliharaan perlu dijalankan terhadap kain cindai bagi mengekalkan keadaan fizikalnya. Hal ini kerana, kain cindai di Galeri Tenun Johor telah berusia lebih daripada 100 tahun (The Star 2018). Oleh itu, terdapat beberapa kerosakan pada kain

cindai yang telah dikenal pasti di dalam kajian ini. Antaranya ialah pereputan dan kesan koyak, seperti yang dipaparkan di dalam Rajah 4.2.



Rajah 4.2: Kesan koyak pada kain cindai.  
Sumber: Jabatan Muzium Malaysia.

Menurut Slater (1986), kerosakan pada tekstil berlaku disebabkan bahan-bahan pembuatan tekstil bertindak balas terhadap persekitaran. Sebagai contoh, tekstil terdedah kepada sumber cahaya matahari dalam tempoh waktu yang lama. Keadaan tersebut memberi impak terhadap rupa bentuk tekstil tersebut. Hal ini kerana perubahan sifat kimia disebabkan oleh cahaya, udara dan lain-lain agen kerosakan akan menjejaskan struktur fizikal tekstil. Contohnya, tekstil akan terkoyak dan mereput di bahagian tertentu. Keadaan sedemikian turut berlaku pada kain cindai di Galeri Tenun Johor.

a) **Faktor kerosakan kain cindai**

Kain cindai adalah antara koleksi tekstil di muzium yang diperbuat daripada bahan-bahan semula jadi seperti kapas dan sutera (Ismail, 1997). Menurut Sachdeva (2013), bahan asas penghasilan tekstil terbahagi kepada dua jenis. Jenis yang pertama adalah serat semula jadi yang terdiri daripada serat haiwan dan serat tumbuhan. Manakala jenis yang kedua adalah serat buatan manusia (*man-made fiber*) yang terdiri daripada serat sintetik dan serat yang dijana semula (*regenerated fiber*). Dalam konteks ini, kain cindai adalah tekstil organik bersesuaian dengan bahannya berasaskan sutera dan diperbuat daripada serat haiwan. Manakala bahan berasaskan kapas diperbuat daripada serat tumbuhan. Oleh itu, kain cindai terdedah kepada pelbagai faktor kemerosotan (*deterioration*).

Faktor utama kerosakan pada kain cindai adalah disebabkan oleh faktor usia. Menurut Bresee (1986), kebanyakan serat tekstil organik terutamanya kapas mempunyai kandungan polimer karbohidrat dan selulosa yang tinggi. Manakala bahan berasaskan sutera mempunyai kandungan polimer protein yang tinggi. Oleh itu, struktur gentian bagi kedua-dua bahan ini adalah padat (*rigid*) dan tidak mudah terurai. Namun begitu lama-kelamaan gentian tersebut akan terurai secara semula jadi. Hal ini kerana, struktur gentian akan semakin merosot apabila tekstil bertambah usia (Sachdeva, 2013). Kesannya, struktur tekstil menjadi rosak dan rapuh.

Selain itu, kerosakan kain cindai adalah disebabkan oleh faktor cahaya. Ini kerana, bahan-bahan berasaskan serat haiwan dan tumbuhan akan mengalami kerosakan apabila tekstil terdedah kepada sumber cahaya (semula jadi atau ultra ungu) untuk tempoh waktu yang lama (Fynn & Dean, 1950). Dalam erti kata lain, kain cindai adalah bahan yang sangat sensitif terhadap sumber cahaya. Ia bukan sahaja boleh memudarkan warna pada tekstil tersebut, malahan ia juga menyebabkan gentian tekstil menjadi semakin lemah dan rapuh (Landi, 2012). Justeru itu, kain cindai mengalami pereputan di bahagian tertentu.

Selain itu, faktor kelembapan persekitaran turut menyumbang kepada kerosakan kain cindai. Hal ini dikatakan demikian kerana kadar kelembapan yang terlalu tinggi akan menyebabkan pembiakan kulat pada kain tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan serat haiwan dan tumbuhan mampu menyerap serta menyimpan air dan menyebabkan tekstil menjadi rapuh apabila kadar kelembapan terlalu rendah. Hal ini kerana kehilangan kandungan kelembapan menyebabkan tekstil menjadi kering. Tekstil kemudiannya akan menjadi rapuh dan rosak. Keadaan yang sama turut berlaku pada kain cindai terutamanya disebabkan faktor suhu. Suhu yang terlalu tinggi akan menyebabkan kadar kelembapan tekstil menjadi rendah. Manakala suhu yang terlalu rendah akan menyebabkan kadar kelembapan tekstil menjadi tinggi (Cybulska & Maik, 2007). Dalam erti kata lain, faktor suhu dan kelembapan adalah saling berkaitan antara satu sama lain bagi menentukan kerosakan kain cindai.

**b) Langkah bagi mengatasi kerosakan kain cindai**

Bahagian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai proses pemuliharaan kain cindai yang dijalankan oleh pihak galeri atau muzium. Bahagian kedua pula adalah mengenai teknik penjagaan tekstil tersebut semasa di pusat penyimpanan. Manakala bahagian ketiga adalah mengenai teknik penjagaan tekstil tersebut semasa di pusat pameran.

**i) Proses pemuliharaan kain cindai oleh unit konservasi**

Secara amnya, proses pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak galeri bagi mengurangkan kerosakan sedia ada pada kain cindai adalah melalui jahitan tangan (*hand stitches*). Menurut Schon (2017), teknik ini tidak digunakan untuk mencantikkan semula struktur tekstil. Sebaliknya ia digunakan adalah untuk melindungi, menstabilkan serta menyokong bahagian tekstil yang rapuh. Namun begitu, adalah mustahil untuk berlaku penambahbaikan visual pada tekstil tersebut. Hal ini disokong oleh pernyataan dari Responden 2, iaitu:

*Pada awalnya struktur kain tu mungkin ahhh... senget sikit ke kan.. bila rosakkan... so bila kita buat pemuliharaan tu ahh... struktur dia akan menjadi lebih kuatlah ahh... kan kan ira kain tu mungkin jadi lebih kuat ada sokongan sebab bila berlubang dia dah takde pegangan kan... (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Dalam konteks ini, alat dan bahan yang digunakan adalah jarum jahit, benang dan kain pelapik. Menurut Responden 1 dan Responden 2, jenis benang yang digunakan adalah benang kapas atau benang biasa. Meskipun begitu, pemilihan jenis benang juga bergantung kepada jenis benang asal kain cindai. Warna benang yang digunakan pula adalah sama atau seakan sama dengan warna asal benang pada kain cindai.

Manakala jenis kain pelapik yang digunakan adalah bergantung kepada jenis kain cindai. Jika kain tersebut adalah jenis sutera, kain pelapik yang digunakan juga perlulah daripada jenis sutera. Sebaliknya jika jenis kain cindai adalah kapas, maka kain pelapik jenis kapas juga akan digunakan. Warna kain pelapik juga perlulah sama atau seakan sama dengan warna tekstil tersebut, seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.3.

Jenis kain cindai di Galeri Tenun Johor adalah daripada jenis kain sutera. Warna dasar kain tersebut adalah merah gelap atau merah hati.

Manakala jenis benang asal kain cindai pula adalah jenis sutera yang juga berwarna merah gelap. Namun begitu, jenis kain pelapik dan benang yang digunakan semasa proses konservasi adalah jenis kain kapas dan benang kapas. Hal ini berlaku disebabkan oleh kos pemuliharaan yang terhad (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).



Rajah 4.3: Kain cindai yang telah dipulihkan.

Sumber: Pemerhatian di lapangan.

Proses pemuliharaan tidak boleh dijalankan dengan menggunakan mesin jahit. Hal ini disebabkan oleh struktur kain cindai yang telah usang dan rapuh. Penggunaan mesin jahit hanya akan menambahkan lagi kerosakan pada kain tersebut. Pernyataan ini disokong oleh pernyataan dari Responden 1, iaitu:

*Kita tak boleh... kalau kain yang dah reput kita tak boleh guna mesin. Kita akan jahit tangan... Maknanya secara manual, takde mesin... sebab kalau mesin kita menambah kerosakan kain itu (Responden 1, Temu bual, 28 Ogos 2022).*


Oleh hal yang demikian, langkah penting sebelum menjalankan proses pemuliharaan adalah mengenal pasti jenis kain, jenis kerosakan dan keadaan fizikal kain tersebut. Setelah itu, konservator perlu menentukan saiz jarum dan jenis benang yang akan digunakan. Menurut



Bittner (2004), jarum paling halus akan digunakan sepanjang proses jahitan dijalankan. Hal ini bagi mengelakkan kesan dan kerosakan kekal pada tekstil. Manakala jenis benang yang digunakan adalah jenis kapas. Ini kerana struktur gentian benang kapas boleh diselaraskan dengan gentian serat pada tekstil secara semula jadi (Reeves ,1986).

Seterusnya, konservator perlu menentukan jenis jahitan yang akan digunakan sepanjang proses tersebut. Proses ini adalah penting kerana pemilihan jenis jahitan akan mempengaruhi struktur kain semasa dan selepas konservasi. Jika seseorang konservator memilih jenis jahitan yang salah, jahitan tersebut akan menambahkan tekanan pada bahagian benang yang rapuh. Kesannya, tekstil akan bertambah rosak (Bittner, 2004). Oleh itu, konservator di Galeri Tenun Johor telah menggunakan teknik jahitan *back stitch* (rujuk Rajah 4.4) untuk membaik pulih kesan koyak pada kain cindai. Berikut adalah langkah-langkah dalam teknik jahitan tersebut.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.4: Teknik jahitan *back stitch*.

Sumber: Grimm et al., 2000.

- Langkah 1: Bawa jarum keluar ke bahagian hadapan nombor 1.
- Langkah 2: Kemudian, gerakkan sedikit ke kanan dan masukkan jarum melalui kain ke bahagian belakang nombor 2.
- Langkah 3: Seterusnya, bawa keluar jarum ke bahagian hadapan nombor 3.
- Langkah 4: Kemudian, masukkan semula jarum melalui kain ke bahagian nombor 1. Ulang langkah tersebut sehingga selesai.

Tempoh masa bagi proses jahitan ini siap sepenuhnya bergantung kepada jenis dan saiz kerosakan pada kain cindai. Menurut Responden 2, anggaran masa tersebut adalah di antara tiga hingga dua belas bulan.

ii) **Teknik penjagaan kain cindai di pusat penyimpanan**

Pusat penyimpanan adalah merujuk kepada sesebuah ruang di muzium yang digunakan untuk menyimpan koleksi artifak. Menurut Fahy (1995), ruang tersebut turut digunakan sebagai ruang penyelidikan dan transit sementara sebelum artifak dipamerkan. Oleh hal yang demikian, sesebuah pusat penyimpanan perlu dikekalkan supaya berada dalam keadaan kondusif. Hal ini bagi mengelakkan kemerosotan berlaku apabila artifak bertindak balas dengan persekitaran di ruang penyimpanan. Selain itu, teknik penyimpanan artifak semasa berada di ruang tersebut turut memainkan peranan bagi mengelakkan situasi yang sama berlaku.

Teknik penyimpanan kain cindai yang digunakan oleh pihak Galeri Tenun Johor adalah teknik penyimpanan secara bergulung (*rolled storage*). Hal ini dikatakan demikian kerana teknik gulungan sesuai untuk menyimpan tekstil bersaiz besar tanpa meninggalkan kesan lipatan. Tambahan lagi, teknik gulungan dapat menjimatkan ruang di pusat penyimpanan. Pernyataan ini disokong oleh Responden 2, iaitu:

*Hampan tu bagi ruang yang besar macam di.. dalam... ahh... storage system kita.. kita takde ruang yang besar... ahh... memang kita.. ahh.. rollinglah.. hampan tu lebih pada nak*

*pameran.. haa.. dan sebagainya (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Oleh itu, alatan yang digunakan untuk menjalankan proses gulungan adalah *archival cardboard rolling tubes* dan kertas bebas asid (*acid free tissue paper*). Menurut Bittner (2004), pemilihan tiub adalah bergantung kepada ketebalan dan panjang tekstil. Contohnya, tekstil yang tebal perlu menggunakan tiub yang memiliki diameter yang lebar. Manakala tekstil yang nipis hanya menggunakan tiub yang berdiameter kecil.

Selain itu, kertas bebas asid turut digunakan untuk melapisi tiub dan permukaan kain cindai. Hal ini bagi mengelakkan kerosakan pada struktur kain jika digulung dalam tempoh waktu yang lama. Proses penggulungan ini dijalankan secara berperingkat dengan teliti. Pertama sekali, konservator akan menggunakan kertas bebas asid untuk membaluti tiub. Kemudian, kertas bebas asid akan diletakkan di atas permukaan kain cindai yang telah dihamparkan. Seterusnya, kain cindai dan kertas tersebut akan digulung bersama dengan menggunakan tiub. Bahagian yang mempunyai corak akan menghadap ke bahagian dalam. Manakala bahagian yang tidak bercorak akan menghadap ke bahagian luar. Kemudian, gulungan tersebut akan dibaluti dengan lapisan kertas bebas asid.

Setelah itu, gulungan kain cindai akan diletakkan di dalam ruang penyimpanan. Ia perlu diletakkan di kawasan yang terlindung daripada cahaya matahari dan habuk. Dalam erti kata lain, pemilihan tempat perlu dilakukan dengan teliti bagi mengurangkan risiko kerosakan (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).

### iii) Teknik penjagaan kain cindai di pusat pameran

Tempoh bagi sesebuah artifak untuk dipamerkan adalah bergantung kepada struktur fizikal artifak tersebut. Artifak yang dipamerkan di ruang pameran adalah berisiko tinggi dan lebih mudah terdedah kepada agen kerosakan. Misalnya, bahagian tekstil yang dipamerkan dan terdedah pada sumber cahaya dalam tempoh waktu yang lama akan mengalami perubahan warna. Oleh hal itu, penetapan tempoh pameran dan juga kaedah penjagaan artifak perlu dirancang dengan teliti (Bittner, 2004). Hal ini bukan sahaja membantu dalam mengurangkan risiko kemerosotan sesebuah artifak. Malahan dapat memanjangkan jangka hayat artifak tersebut.

Menurut Responden 2, tempoh pameran kain cindai adalah di antara tiga hingga enam bulan sahaja. Hal ini disebabkan oleh struktur fizikal kain yang telah usang membataskan tempoh pameran tersebut. Teknik pameran kain cindai yang digunakan pula adalah teknik gulungan dan teknik hampan. Teknik gulungan akan digunakan

apabila tekstil tersebut dipamerkan di ruangan yang terhad. Hal ini bagi memudahkan penukaran bahagian kain cindai yang akan dipamerkan. Penukaran tersebut akan dilakukan pada setiap bulan bagi mengelakkan sesuatu bahagian tekstil terdedah dengan sumber cahaya untuk tempoh waktu yang lama. Hal ini disokong oleh Responden 2, iaitu:

*Tiap-tiap bulan kita akan alihkan kalau katalah ikut dia dalam ahhh... satu meter ke kita alihkan pula satu meter untuk belah sini pula tengok ahh... yang ni kita tutup ahh... so maknanya dia ada pergerakan dan ahh... tak selalu terdedah kepada cahaya ahh.. lampulah (Responden 2, Temu bual, 18 Oktober 2022).*

Manakala teknik hampan hanya digunakan apabila ruang pameran bersaiz besar (rujuk Rajah 4.5). Namun begitu, teknik pameran kain cindai juga bergantung kepada keadaan semasa tekstil tersebut. Hal ini kerana, kain cindai yang telah berusia sangat sensitif terhadap persekitaran. Oleh itu, penjagaan dan pemeriksaan secara mingguan dan bulanan perlu dijalankan bagi mengelakkan pertambahan kerosakan pada tekstil tersebut.



Rajah 4.5: Kain cindai di ruang pameran.  
Sumber: Pemerhatian di lapangan.

Berdasarkan maklum balas daripada kedua-dua responden, pihak galeri akan memantau keadaan kain cindai pada setiap hari sebelum galeri dibuka kepada orang awam. Hal ini bagi memastikan kain cindai berada dalam keadaan yang baik. Jika berlaku sebarang kerosakan, kain cindai akan dikeluarkan dari ruang pameran serta merta. Ia akan dibawa ke unit konservasi untuk dipulihkan. Manakala kerja-kerja pembersihan (*housekeeping*) pula akan dijalankan di dalam ruangan tersebut jika terdapat habuk dan kotoran pada kain cindai. Selain itu, proses tersebut turut berfungsi sebagai kawalan pencegahan serangga perosak.

Teknik pembersihan yang digunakan di Galeri Tenun Johor adalah *surface cleaning*. Alatan yang akan digunakan adalah kertas bebas asid, vakum (*vacuum*) dan lapisan *filter*. Kertas bebas asid akan digunakan untuk melindungi kain cindai sepanjang proses tersebut. Hal ini disebabkan oleh kain cindai tidak dialihkan sepanjang pemeriksaan dan pembersihan harian dijalankan. Manakala vakum yang dilapisi

lapisan *filter* pula digunakan untuk menyedut habuk pada permukaan kain cindai. Lapisan *filter* ini berfungsi untuk mengelakkan vakum daripada menyentuh permukaan tekstil secara langsung. Hal ini membantu dalam mengurangkan risiko kerosakan semasa proses pembersihan dijalankan.

Selain itu, pemantauan dan pembersihan tekstil secara bulanan juga akan dijalankan oleh pihak galeri. Kedua-dua proses tersebut akan dijalankan secara menyeluruh pada hari Isnin, minggu pertama setiap bulan. Alatan yang digunakan dan proses pembersihan adalah sama seperti pemeriksaan harian. Namun begitu, kain cindai akan dikeluarkan dari ruangan pameran dan diletakkan di suatu ruangan khusus. Hal ini bagi memudahkan staf galeri membersihkan ruangan pameran secara menyeluruh. Kain cindai akan dilapisi dengan kertas bebas asid sepanjang kerja-kerja pembersihan dijalankan.

Di samping itu, pihak galeri juga perlu menilai dan menetapkan persekitaran yang sesuai dengan kain cindai. Hal ini merangkumi penetapan suhu, kadar kelembapan, sumber cahaya, kawalan serangga perosak dan lain-lain hal yang boleh menjadi faktor kerosakan pada tekstil tersebut. Menurut Responden 2, kadar kelembapan relatif telah ditetapkan mengikut skala antarabangsa, iaitu di antara 50 hingga 55 peratus. Hal ini bagi mengelakkan kain cindai berada dalam keadaan lembap. Ini kerana keadaan tersebut akan menggalakkan pembiakan



kulat pada permukaan tekstil. Namun begitu, Landi (2012) menyatakan bahawa penetapan kadar kelembapan relatif bagi sesebuah tekstil adalah hampir 50% sahaja. Hal ini kerana penetapan kadar kelembapan yang terlalu tinggi menyebabkan tekstil menjadi rapuh.

Seterusnya, kadar cahaya di ruangan pameran juga telah ditetapkan mengikut skala antarabangsa, iaitu di antara 50 hingga 70 *lux*. Namun begitu, Responden 2 menyatakan bahawa kadar cahaya yang sesuai untuk digunakan di ruangan pameran kain cindai adalah 50 *lux*. Manakala kawalan suhu di ruangan tersebut adalah di antara 22 hingga 25 darjah celsius ( $^{\circ}\text{C}$ ). Hal ini disebabkan oleh kain cindai diperbuat daripada bahan organik yang sensitif terhadap cahaya dan suhu. Penetapan kadar cahaya yang terlalu tinggi akan menyebabkan perubahan warna pada tekstil. Manakala suhu yang terlalu tinggi akan mempercepatkan proses pereputan tekstil tersebut (Bresee, 1986).

#### 4.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil analisis dapatan kajian mendapati bahawa kain cindai mempunyai pelbagai kegunaan tradisional dan moden dalam kalangan masyarakat di Johor. Selain itu, pelbagai teknik pemuliharaan dan proses penjagaan kain cindai telah dijalankan oleh pihak galeri dan muzium. Akhir sekali, analisis maklum balas dari 130 orang responden dan dua orang informan mendapati bahawa individu, ibu bapa, institusi pendidikan, pihak kerajaan dan lain-lain pihak sangat memainkan peranan dalam melestarikan kain cindai. Oleh hal yang demikian, hasil analisis ini telah mencapai ketiga-tiga objektif kajian Pelestarian kain cindai: Satu kajian kes di Galeri Tenun Johor.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab lima menjelaskan mengenai rumusan keseluruhan bab di dalam kajian secara ringkas. Hal ini merangkumi bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat. Selain itu, bab ini turut membincangkan mengenai dapatan utama dan cadangan kajian yang boleh dijalankan oleh pengkaji lain pada masa akan datang. Akhir sekali, bab lima juga menjelaskan mengenai kesimpulan secara keseluruhan.

#### 5.1 Rumusan bab

Kajian Pelestarian kain cindai: Satu kajian kes di Galeri Tenun Johor telah dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan kain cindai dalam kalangan masyarakat. Selain itu, kajian ini turut dijalankan bagi mengkaji proses pemuliharaan kain cindai dan mekanisme yang relevan dalam melestarikan kain cindai dalam kalangan pihak berkepentingan. Oleh itu, kajian ini mengandungi lima bab yang merangkumi beberapa subtopik bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut.

Bab satu membincangkan mengenai pengenalan kajian. Hal ini merangkumi pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian serta skop kajian. Selain itu, bab ini turut menjelaskan mengenai kepentingan kajian terhadap individu, masyarakat dan institusi pendidikan. Manakala bab dua membincangkan mengenai kajian literatur yang dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu sejarah perkembangan tekstil, jenis tekstil,

sejarah kain cindai, kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan, serta pihak berkepentingan. Selain itu, bab dua turut merangkumi kerangka teori fungsionalisme yang digunakan bagi menganalisis perkaitan antara kebudayaan masyarakat dengan kain cindai.

Bab tiga pula adalah membincangkan mengenai metodologi kajian serta kaedah analisis yang digunakan di dalam kajian. Kajian ini telah menggunakan pendekatan campuran, iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif bagi memperoleh data primer dan data sekunder. Dalam hal ini, kaedah pemerolehan data primer yang digunakan adalah kaedah pemerhatian, kaedah temu bual mendalam dan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Manakala kaedah pemerolehan data sekunder adalah merangkumi kaedah kepustakaan dan sumber internet. Seterusnya, teknik analisis data yang digunakan adalah analisis deskriptif bagi data kuantitatif dan analisis tematik bagi data kualitatif. Kaedah pensampelan yang digunakan pula adalah kaedah pensampelan bertujuan.

Akhir sekali, bab empat menjelaskan mengenai analisis dapatan kajian yang diperolehi melalui tinjauan soal selidik bersama 130 orang responden dan temu bual bersama dua orang informan. Hasil analisis tersebut mendapati bahawa kain cindai mempunyai pelbagai kegunaan dalam kalangan masyarakat di Johor. Selain itu, teknik pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak muzium adalah proses jahitan *back stitch* bagi memperbaiki kerosakan pada tekstil tersebut. Manakala teknik pemeliharaan yang dijalankan adalah penjagaan di ruang simpanan dan pusat pameran. Hal ini bagi memperlakan kemerosotan pada kain cindai. Akhir sekali, terdapat pelbagai

mekanisme pelestarian kain cindai yang relevan telah diterapkan oleh pelbagai pihak berkepentingan bagi melestarikan semula kain cindai.

## 5.2 Rumusan Dapatan Utama

Kain cindai adalah tekstil warisan yang mempunyai pelbagai kegunaan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dipengaruhi oleh jantina dan status sosial penggunanya. Misalnya, kain cindai digunakan sebagai ikat pinggang bagi mengemaskan dan mengetatkan pakaian oleh golongan lelaki. Manakala golongan wanita telah menggunakan kain cindai sebagai bengkung setelah melahirkan anak. Selain itu, kain cindai hanya digunakan oleh golongan atasan, iaitu raja, keluarga dan kerabat diraja serta golongan bangsawan sahaja. Sebaliknya kain cindai tidak digunakan dan dimiliki oleh golongan bawahan disebabkan harga pasaran tekstil tersebut adalah mahal berbanding tekstil warisan lain.

Meskipun begitu, kain cindai kini tidak lagi dihasilkan di Malaysia. Oleh itu, koleksi yang dimiliki oleh galeri dan muzium adalah terhad. Oleh hal yang demikian, proses pemuliharaan terhadap kain cindai perlu dijalankan. Hal ini bagi memanjangkan jangka hayat kain cindai. Selain itu, penggunaan teknik penjagaan di ruangan pameran dan ruangan penyimpanan turut mempengaruhi struktur fizikal tekstil tersebut. Oleh itu, pemilihan teknik yang tepat dan mengikut prosedur perlu dilakukan oleh konservator dan lain-lain pihak berkaitan. Hal ini bagi mengelakkan sebarang kerosakan berlaku pada kain cindai akibat kecuaiian pihak mereka.

Akhir sekali, penerapan pelbagai mekanisme dalam melestarikan kain cindai perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan. Hal ini merangkumi peranan individu, ibu bapa, institusi pendidikan, badan kerajaan dan bukan kerajaan serta institusi permuziuman. Hal ini kerana sesuatu usaha yang dijalankan oleh sesebuah pihak adalah kurang berkesan jika kurang penyertaan dari pihak sasaran. Sebagai contoh, penganjuran Simposium Tekstil Tradisional ASEAN oleh Yayasan Tenun Pahang sebagai platform perkongsian mengenai tekstil tenunan. Ia telah membuah hasil apabila program tersebut telah disertai oleh peserta dari Indonesia, India, Kanada dan sepuluh buah negara sasaran yang lain. Oleh itu, jelaslah bahawa peranan pelbagai pihak adalah penting dalam melestarikan kain cindai.

### **5.3 Cadangan Kajian**

Kain cindai adalah tekstil warisan yang diancam kemusnahan. Oleh hal itu, kepelbagaian kajian dan penulisan ilmiah mengenai kain cindai adalah amat digalakkan. Hal ini bukan sahaja dilaksanakan bagi menutup kelompangan dalam memperolehi sumber rujukan. Malahan sumber tersebut dapat digunakan oleh pelbagai pihak terutamanya institusi pendidikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bagi membantu generasi kini dan akan datang mengenali kain cindai dengan lebih mendalam.

Di samping itu, pengaplikasian teknologi digital sebagai salah satu usaha melestarikan kain cindai juga wajar dipergiatkan. Hal ini berkaitan dengan peningkatan penggunaan teknologi dalam kalangan masyarakat setelah pasca pandemik covid-19. Oleh itu, pelbagai pihak berkepentingan terutamanya pihak kerajaan dan institusi

permuziuman wajar mengaplikasikan teknologi dalam usaha melestarikan kain cindai. Misalnya, mengadakan pameran kain cindai secara atas talian. Hal ini bagi memudahkan masyarakat mengakses maklumat tanpa had pada bila-bila masa sahaja. Tambahan lagi, pengaplikasian teknologi ini membantu dalam mengkomersialkan semula tekstil warisan tersebut. Oleh itu, pengaplikasian digital ini perlu dinilai dan dipertimbangkan.

Secara keseluruhannya, penulisan ilmiah ini menjelaskan perihal kain cindai yang merangkumi kegunaan tekstil tersebut dalam kalangan masyarakat. Selain itu, ia turut membincangkan mengenai proses pelestarian kain cindai oleh pihak Galeri Tenun Johor dan lain-lain pihak berkepentingan. Hasil analisis dapatan kajian pula telah menjelaskan persoalan dan objektif kajian secara keseluruhan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber inspirasi, rujukan serta idea kajian kepada pengkaji-pengkaji tekstil warisan.

## RUJUKAN

- Aas, C., Ladkin, A., & Fletcher, J. (2005). Stakeholder collaboration and heritage management. *Annals of tourism research*, 32(1), 28-48.
- Abdul Jabbar, H., Hamidon, N. A., Ab Kadir, M. I., Abdul Jabbar, A. R., & Ahmad, M.R. (2016). *Inovasi Struktur Tenunan Dalam Penghasilan Kain Tenun Pahang Diraja*. Doctoral dissertation.
- Abdel-Kareem, O. (2021). TEXTILE CONSERVATION PAST, PRESENT AND FUTURE. *Advanced Research in Conservation Science*, 2(2), 1-15.
- Abd Wahab, N., & Mohd, N. A. (2013). PERKEMBANGAN KEGIATAN PERUSAHAAN TEKSTIL DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI TERENGGANU, 1900-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 21(1).
- Adha, N. (2022). TEORI FUNGSIONALISME DILIHAT DARI SUDUT PANDANG ANTROPOLOGI. *OSF Preprints*.
- Alias, A., & Nawawi, N. M. (2003). *Pakaian Melayu sepanjang zaman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alpian, N. I. N. B. (2022). *Impak Pandemik Covid-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau Kota Tinggi Johor* (Doctoral dissertation).
- Akhir, N. H. M., & Ismail, N. W. (2015). Permasalahan dalam pembangunan industri batik di Terengganu. *Prosiding Perkem*, 10, 239-246.
- An, W., Dhingra, S., & Zhao, F. (2020). Comparison Between Atlas in Xinjiang of China and Patola in Gujarat of India. *Asian Social Science*, 16(2), 1-45.
- Aziz, A. (2009). *Rupa dan Gaya Busana Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahauddin, A. B. (1999). *Contemporary Malaysian Art: An Exploration of the Songket Motifs* (Doctoral dissertation, Sheffield Hallam University).
- Bailey, J. (2008). First steps in qualitative data analysis: transcribing. *Family practice*, 25(2), 127-131.
- Bakar, B. A. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Utusan Publications.
- Bakti, N. A. S., & Hanafiah, M. G (2021). Perubahan pembuatan batik kapas di Terengganu. *Jurnal Melayu*, SI pp. 454-472.
- Bittner, E. (2004). Basic textile care: structure, storage, and display. *Introduction to the structure and technology of records materials*.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.



- Bresee, R. R. (1986). General effects of ageing on textiles. *Journal of the American Institute for Conservation*, 25(1), 39-48.
- Buletin TV3. (2022). SIMPOSIUM TEKSTIL TRADISIONAL ASEAN | Martabat Industri Tenun Asia Tenggara. Retrieved from [https://youtu.be/k4VoJ97\\_Djo](https://youtu.be/k4VoJ97_Djo)
- Cohen, S., & Patel, D. (2015). *The fabric of India*. R. Crill (Ed.). London, UK: V & A Publishing.
- Creswell, J. W., Fetters, M. D., & Ivankova, N. V. (2004). Designing a mixed methods study in primary care. *The Annals of Family Medicine*, 2(1), 7-12.
- Creswell, J. W., & Tashakkori, A. (2007). Differing perspectives on mixed methods research. *Journal of mixed methods research*, 1(4), 303-308.
- Cybulska, M., & Maik, J. (2007). Archaeological textiles—A need for new methods of analysis and reconstruction. *Fibres & Textiles in Eastern Europe*, 15(5-6), 64-65.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American journal of theoretical and applied statistics*, 5(1), 1-4.
- Fahy, A. (Ed.). (1995). *Collections management*. Psychology Press.
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating rigor using thematic analysis: A hybrid approach of inductive and deductive coding and theme development. *International journal of qualitative methods*, 5(1), 80-92.
- Fink, A. (1995). *How To Design Surveys*. The Survey Kit, Volume 5. SAGE Publications, Inc., 2455 Teller Road, Thousand Oaks, CA 91320.
- Fynn, P. J., & Dean, J. D. (1950). Effect of light on cotton textiles. *Yearbook of Agriculture*, 1951, 436-40.
- Glover, J. M. (1992). Conservation and storage: textiles. In *Manual of Curatorship* (pp.302-339). Routledge.
- Grimm, M. W., Paar, R., & Kiefer, K. (2000). *The Directory of Hand Stitches Used in Textile Conservation*.
- Groves, R. M., Fowler Jr, F. J., Couper, M. P., Lepkowski, J. M., Singer, E., & Tourangeau, R. (2011). *Survey methodology*. John Wiley & Sons.
- Heriyanto, H. (2018). Thematic analysis sebagai metode menganalisa data untuk penelitian kualitatif. *Anuva: Jurnal Kajian Budaya, Perpustakaan, dan Informasi*, 2(3), 317-324.
- Hidayati, A. (2017). Ritual Tenun Ikat Pua Kumbu dalam Budaya Wanita Iban. *Visualita*, 6(1), 266964.
- Hussin, H. (2006). Aktiviti Seni dan Budaya Lampau: Penghasilan dan Penggunaan Tekstil di Alam Melayu Dari Sudut Sejarah Silam. *Jebat*, 33, 96.

- Idris, M. H., Muhamad, H., & R Ibrahim, R. Z. A. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Penerbit Universiti Malaya.
- Isaac, S., & Michael, W. B. (1981). *Handbook in Research and Evaluation : A Collection of Principles, Methods and Strategies useful in the Planning, Design, and Evaluation of Studies in Education and the Behavioral Sciences*. EdITS Publishers San Diego, California.
- Ismail, S. Z. (1990). *Tekstil Melayu: Sejarah fungsi, simbol dan keindahan*. Malaysia Dari Segi Sejarah, Bil. 18, 1990, p. 50-66.
- Ismail, S. Z. (1997). *Malay woven textiles: the beauty of classic art form*. Dewan Bahasa dan Pustaka 1997.
- Ismail, A., & Hassan, A. (2012). *Keindahan dalam reka bentuk motif seni hiasan fabrik tradisional melayu: satu analisa formalistik in: The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago*.
- Ismail, S. Z. (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Muzium Malaysia. (n.d.). Program Bicara Kurator 2021. Jabatan Muzium Malaysia. Retrieved February 4, 2023, from <http://www.jmm.gov.my/ms/content/program-bicara-kurator-2021>
- Jabatan Muzium Malaysia. (n.d.). Glosari. Laman Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia. Retrieved May 23, 2022, from <http://www.jmm.gov.my/ms/glosari>
- Jabatan Muzium Malaysia (n.d.). Mengenai Jabatan Muzium Malaysia. Laman Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia. Retrieved July 19, 2022, from <http://www.jmm.gov.my/ms/mengenai-jabatan-muzium-malaysia>
- Jäckle, A., Roberts, C., & Lynn, P. (2006). Telephone versus face-to-face interviewing: mode effects on data quality and likely causes: report on phase II of the ESS-Gallup mixed mode methodology project (No. 2006-41). ISER Working Paper Series.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Joshi, A., Kale, S., Chandel, S., & Pal, D. K. (2015). Likert scale: Explored and explained. *British journal of applied science & technology*, 7(4), 396.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (n.d.). *Maksud pelestarian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved February 4, 2023, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pelestarian>
- Kasim, K. B. (2003). *Koleksi Pilihan Dunia Melayu*. Jabatan Muzium dan Antikuiti Kuala Lumpur.
- Kawulich, B. (2012). Collecting data through observation. *Doing social research: A global context*, 6(12), 150-160.

- Khan, M. M. H. (2020). Role of Stakeholders in Heritage Management in Bangladesh: A Case Study of Mahasthangarh. *CenRaPS Journal of Social Sciences*, 2(3), 354-372.
- Kheng, J. N. S., & Ngo, J. (2010). Sustaining the magnificent craft of songket weaving in Malaysia. In *Proceedings of the 12th Biennial Textile Society of America Symposium* (pp. 1-12).
- Kirby, M. (2000). *Sociology in Perspective Aqa Edition* (illustrated ed.). Heinemann.
- Koka, V. (2018). Role of museum environment for textile conservation and restoration. *International Journal of Home Science*, 4(2), 281-282.
- Landi, S. (2012). *Textile conservator's manual*. Routledge.
- Lang, H. L. (1917). *Removal of stains from clothing and other textiles* (No. 861). US Government Printing Office.
- Leavy, P. (Ed.). (2014). *The Oxford handbook of qualitative research*. Oxford University Press, USA.
- Longhurst, R. (2003). Semi-structured interviews and focus groups. *Key methods in geography*, 3(2), 143-156.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2022). *Kenyataan Media: Penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah 2021*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.
- Manfaat, B. (2018). *Analisis data kuantitatif*. ResearchGate.
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a thematic analysis: A practical, step-by-step guide for learning and teaching scholars. *All Ireland Journal of Higher Education*, 9(3).
- Marzali, A. (2006). *Struktural-Fungsionalisme*. ProQuest.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons.
- Mukhid, A. (2021). *Metodologi Penelitian Pendekatan Kuantitatif*. Jakad Media Publishing.
- Mohamad, M. (1996). *The Malay handloom weavers: A study of the rise and decline of traditional manufacture*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohan, U. (2019). Historical and Contemporary Connections Between Indian and Indonesian Textiles: A Focus on Double-Ikat Patola. In *7th ASEAN Traditional Textile Symposium*.
- Mohd, N. A., & Abd Wahab, N. (2019). PENGARUH INDONESIA TERHADAP TEKSTIL DI TERENGGANU PADA ABAD KE-19: INDONESIAN INFLUENCE ON TERENGGANU TEXTILE IN THE 19TH CENTURY. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 01-27.

- Mokhtar, M. (2018). ART AND CRAFT IN THE ERA OF CREATIVE INDUSTRY IN MALAYSIA. *Ars: Jurnal Seni Rupa dan Desain*, 21(2), 136-143.
- Musa, N. S., Abdurahman, N. L., Zainal Abidin, Z., Adnan, F. H., & Nasir, E. (2021). Comparison between homemade stain remover and commercial stain remover for textiles. *Scientific Research Journal*, 18(1), 85-100.
- Nawawi, N. (2015). Seminar Pakai Patut Melayu.
- Nawawi, N. (2016). *Ikatan Limar: The Ancient Malay Textile*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paraswati, E. (2014). KAIN SEBAGE. *Corak: Jurnal Seni Kriya*, 3(2).
- Patel, P., & Ganeshgudi, A. (2020). To Study and Analyze the Promotional Strategies of Museum of Patola Craft Built by Salvi Families in Patan, Gujarat. *International Journal of Research in Engineering, Science and Management*, 3(3), 152-156.
- Patton, M. Q. (2014). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice*. Sage publications.
- Ponto, J. (2015). Understanding and evaluating survey research. *Journal of the advanced practitioner in oncology*, 6(2), 168.
- Rai, N., & Thapa, B. (2015). A study on purposive sampling method in research. Kathmandu: Kathmandu School of Law, 5. *ACADEMIA*.
- Reja, U., Manfreda, K. L., Hlebec, V., & Vehovar, V. (2003). Open-ended vs. close-ended questions in web questionnaires. *Developments in applied statistics*, 19(1), 159-177.
- Reeves, P. (1986). Re-examining textile conservation techniques. In *Textile Treatments Revisited, The Harpers Ferry Regional Textile Group, Symposium* (pp. 35-38).
- Roopa, S., & Rani, M. S. (2012). Questionnaire designing for a survey. *Journal of Indian Orthodontic Society*, 46(4\_suppl1), 273-277.
- Sachdeva, K. B. (2013). *Conservation of textiles in museums*. ResearchGate
- Sadevi, L. W. (2020). Deskripsi Ragam Hias Motif Dinding Ai dan Sanan Empeg Tenun Ikat Geringsing. *Jurnal Da Moda*, 1(2), 27-31.
- Samin, M. A. B. (2012). The Traditional Pelangi Cloth of Malay Peninsula-A Study of Design and Identity. *The Research Journal of the Costume Culture*, 20(2), 263-271.
- Saidi, M. Z. I. (2019). Pendekatan Kuantitatif dalam penggunaan R. *ACADEMIA*. Saiyed, S. S., & Bhatia, R. (2016). Engineered Ikat Textile of Gujarat-A Design Intervention. <https://digitalcommons.unl.edu/tsaconf/1001/>
- Sajar, N., Aziz, A., & Aris, A. (2015). Reka bentuk bengkung alam Melayu. *ICOMHAC2015 e-proceedings*.

- Saputra, H. (2019). Seni dan budaya tenun ikat Nusantara. ResearchGate, 1, 1-15.
- Sathe, M., & Bhatia, R. (2015). Patola craft of Surendranagar, Gujarat: Sustenance through green technology. *Global Illuminators*, 1, 1-8.
- Schön, M. (2017). The mechanical and supporting effect of stitches in textile conservation.
- Scott, C., & Medaugh, M. (2017). Types of observers. The international encyclopedia of communication research methods, 1-5.
- Shuaib, A. A., & Enoch, O. F. (2014). Integrating the Malay traditional design elements into contemporary design: An approach towards sustainable innovation. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 129, 59-67.
- Singh, M., Chishti, R. K., & Jain, R. (2005). Tradition and Beyond, Handcrafted Indian Textiles. *Roli & Janssen BV, New Delhi*.
- Slater, K. (1986). 7—The progressive deterioration of textile materials part I: characteristics of degradation. *Journal of the Textile Institute*, 77(2), 76-87.
- Sriyana, S. S. M. S. (2020). Antropologi Sosial Budaya. Penerbit Lakeisha.
- Terrell, S. R. (2012). Mixed-methods research methodologies. *Qualitative report*, 17(1), 254-280.
- The Star (2018). Cindai cloth among attractions at gallery. The Star. <https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2018/10/15/cindai-cloth-among-attractions-at-gallery>
- Wahab, H. A., & Ah, S. H. A. B. (Eds.). (2016). Kaedah penyelidikan kerja sosial: pengalaman di lapangan. Penerbit Universiti Malaya.
- Wahid, P. R. (2008). Pelestarian Istilah Seni Tenun Melayu: Sistem Konsep dan Pentakrifan. Universiti Malaya.
- Wellington, J., & Szczerbinski, M. (2007). Research methods for the social sciences. A&C Black.
- Yin, R. K. (2009). Case study research: Design and methods (Vol. 5). sage. Yunus, N. A. (2012). Malaysian batik: Reinventing a tradition. Tuttle Publishing.
- Yusof, S., & Mahamood, M. (2015). Seni Sulaman Tekat Tradisional Dalam Tekstil Melayu. ICOMHAC2015 e-proceedings.
- Yusop, S. H. (2017, February 20). Kain cindai tutup mayat jadi senjata lawan musuh. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/02/250486/kain-cindai-tutup-mayat-jadi-senjata-lawan-musuh>

LAMPIRAN



**PROJEK PENYELIDIKAN AKHIR**

**PELESTARIAN KAIN CINDAI:**

**SATU KAJIAN KES DI GALERI TENUN JOHOR**

**BORANG PERSETUJUAN RESPONDEN**

Saya \_\_\_\_\_ dengan ini mengesahkan bahawa:

1. Saya memahami ciri-ciri dan skop kajian ini.
2. Saya telah membaca dan memahami semua syarat penyertaan kajian ini.
3. Saya berpuas hati dengan jawapan pada kemusykilan saya tentang kajian ini.
4. Saya secara sukarela bersetuju menyertai kajian ini dan mengikuti segala prosedur dan memberi maklumat yang diperlukan kepada penyelidik seperti yang dikehendaki.
5. Saya boleh menarik diri daripada kajian ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebab.

Tandatangan:

Tarikh: